

Jilid I
Bil. 91



Hari Selasa
13hb November, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 9803]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 9831]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Pertama):

Jadual—


Maksud B. 1 hingga B. 14 [Ruangan 9832]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1980—

Jawatankuasa (Hari Pertama):

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 [Ruangan 9832]



MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat** Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.
- Yang Amat Berhormat** Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN**, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- ” Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat** Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON**, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH**, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI**, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE**, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- ” Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF**, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI**, D.P.M.S, J.M.N. (Kuala Langat).
- ” Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD**, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- ” Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS**, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- ” Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD**, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Menteri Penerangan, **DATO MOHAMED BIN RAHMAT**, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- ” Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, **DATO' RICHARD HO UNG HUN**, D.P.M.P. (Lumut).
- ” Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).
- ” Menteri Perusahaan Awam, **DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN**, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- ” Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- ” Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungai Siput).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO’ SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, DATO’ CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO’ MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.L.D. (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO’ HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK K. PATHMANABAN, D.S.N.S. K.M.N. (Telok Kemang).
- ” Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- ” Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI ZAKARIA BEN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.B. (Besut).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI DATO’ SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” Timbalan Menteri Undang-undang, DATO’ ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- ” Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TUAN MAK HON KAM, J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- ” Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO’ MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- ” Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N., (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MOHD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).

- Yang Berhormat PUAN CHOW POH KHENG, s.m.s. (Ulu Langat).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMED TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- ” TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- ” TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.D., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” DATUK JAMES PETER ONGKILI D.I.M.P. (Tuaran)
- ” TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K. (Alor Setar).
- ” TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- ” TUAN P. PATTO (Menglembu).
- ” TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- ” DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- ” DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- ” TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- ” TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- ” TUAN SHAMSURI BIN MOHD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- ” PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DR. WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Selasa, 13hb November, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAKI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PERBEZAAN GAJI PEKERJA BUMIPUTRA DENGAN BUKAN BUMIPUTRA

1. Tuan Ismail bin Said minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah kontraktor-kontraktor bukan bumiputra membayar upah yang lebih rendah kepada pekerja Bumiputra jika dibandingkan dengan pekerja bukan Bumiputra padahal kemahiran mereka adalah sama dan jika ya, apakah langkah yang diambil untuk memastikan perkara ini tidak berlaku di masa-masa yang akan datang.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar bahawa mungkin terdapat perbezaan di dalam gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja Bumiputra dan Bukan Bumiputra yang digaji oleh Kontraktor-kontraktor, akan tetapi penyiasatan kita menunjukkan bahawa perbezaan bayaran gaji bukanlah biasanya disebabkan oleh bangsa atau keturunan pekerja-pekerja itu. Perbezaan ini, jika ada, adalah mungkin disebabkan perbezaan kemahiran, pengalaman dan tempoh perkhidmatan pekerja-pekerja itu dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat itu mempunyai kes kes yang spesifik, di mana perbezaan tersebut berlaku, Kementerian saya bersedia mengambil tindakan yang sewajarnya.

PEJABAT PERDAGANGAN DI LUAR NEGERI

2. Puan Shariffah Dorah binti Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan, memandangkan sambutan yang tidak memuaskan diberikan kepada pengambilan pegawai-pegawai tempatan untuk berkhidmat dengan pejabat-pejabat Kementerian di seberang laut, seperti di London dan dengan yang demikian rakyat Malaysia yang tinggal di sana telah diambil kerja untuk mengisi kekosongan ini tetapi malangnya mereka dibayar gaji yang rendah dan mereka adalah layak dari pegawai-pegawai yang ditempatkan di sana dari Malaysia, adakah Kementerian akan menimbang menaikkan gaji dan elaun mereka oleh kerana kos hidup harian di sana kian bertambah.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pejabat-pejabat perdagangan di luar negeri mempunyai 2 kategori jawatan: jawatan untuk kakitangan dari Malaysia terdiri dari jawatan-jawatan seperti Pesuruhjaya Perdagangan, Pegawai Kerja dan Jurutrengkas sementara jawatan untuk kakitanganambilan tempatan terdiri dari jawatan-jawatan seperti Pegawai Pemasaran, Kerani, Jurutaip, Drebar, Penghantar Surat dan lain-lain. Memang benar di setengah-setengah kota seperti di London kebanyakan jawatan-jawatan untuk kakitanganambilan tempatan diisikan oleh rakyat Malaysia yang tinggal di sana.

Tanggagaji kakitanganambilan tempatan untuk satu-satu tempat adalah ditetapkan mengikut keadaan di tempat tersebut dan dari masa ke semasa kajian serta tindakan menaikkan tanggagaji mereka adalah dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan berdasarkan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan yang berkenaan.

Mengenai kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa rakyat Malaysia yang diambil bekerja sebagai kakitangan ambilan adalah lebih layak dari pegawai-pegawai yang ditempatkan di sana dari Malaysia ini adalah satu perkara yang subjective dan oleh sebab ianya dibuat tidak berasaskan kenyataan maka saya tidak ingin membuat apa-apa ulasan mengenai perkara tersebut.

SKIM TAMBANG MURAH AUSTRALIA

3. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Pengangkutan menyatakan oleh kerana Australia meneruskan dasar penerbangan yang bermusuhan dengan Malaysia khususnya dan Negara-negara ASEAN pada amnya; apakah tindakan-tindakan beliau bercadang mengambil untuk memberhentikan dasar ini supaya ia tidak merosakkan pelancungan kita.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita memaklumkan bahawa mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan ASEAN-Australia yang telah diadakan mulai 22hb-25hb Oktober, 1979 di Canberra telah berjaya mencapai persetujuan mengenai sekim Tambang Murah Australia. Dengan terlaksananya persetujuan berhubung dengan sekim itu, adalah dijangka lebih ramai pelancung awam datang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah.

Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali: Tuan Yang di-Pertua, Soalan yang ke 4.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh.

PEMBUNUHAN ALLAHYARHAM KETUA POLIS NEGARA

4. Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah hasil penyiasatan terhadap assasinasi Allahyarham Ketua Polis Negara dan juga menyatakan apakah langkah-langkah istimewa yang telah diambil bagi memastikan kejadian assasinasi seperti itu tidak mudah berlaku lagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, siasatan Polis membuktikan bahawa dua orang anggota sub-versif komunis telah terlibat dalam pembunuhan Allahyarham Ketua Polis Negara itu. Pada 9-11-76 Polis telah berjaya menangkap seorang daripadanya iaitu seorang lelaki berumur 23 tahun yang dipercayai terlibat dan sudahpun dihadapkan di mahkamah Kuala Lumpur. Sementara itu usaha masih lagi berjalan untuk mengesan sehingga terangkapnya yang seorang lagi itu.

Soal apakah langkah keselamatan yang sesuai yang telah diambil, saya mengatakan di sini bahawa bermacam-macam langkah telah diambil untuk menjaga keadaan dan mengelakkan daripada berulangnya kejadian tersebut.

SUSU DAN BUKU TEKS KEPADA PELAJAR—BEKALAN

5. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Pelajaran membekalkan susu dan buku-buku teks kepada pelajar-pelajar miskin di Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Cina dan Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan Tamil supaya pembekalan ini sejajar dengan amalan yang dilakukan ke Sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, pada masa ini Kementerian saya tidak ada rancangan untuk membekalkan susu kepada murid-murid di Sekolah Rendah. Walau bagaimanapun, makanan tambahan adalah diberi kepada murid-murid di semua jenis Sekolah Rendah di kawasan-kawasan yang tertentu di mana keperluan makanan tambahan telah dipastikan. Pada tahun 1979 seramai 546,875 orang murid di 4,143 buah sekolah di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam rancangan ini yang memakan belanja sebanyak \$17,500,000.

Murid-murid yang terlibat adalah terdiri dari semua murid-murid Darjah Satu dan sebahagian dari murid-murid darjah lain di semua Sekolah Rendah di 54 buah daerah di Semenanjung Malaysia dan seluruh negeri Sabah dan Sarawak. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah semua Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan, SRJK (Cina), Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil di kawasan-kawasan yang tersebut di atas.

Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah untuk memperluaskan rancangan ini ke lain-lain kawasan.

Murid-murid di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan (Tamil) juga menikmati faedah-faedah yang diberi dalam Skim Pinjaman Buku-buku Teks seperti yang diberi kepada semua jenis Sekolah Rendah.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa 54 buah daerah yang telah dibekalkan dengan makanan yang disebutkan tadi, saya ingin tahu apakah cara-cara pihak Kementerian dalam menentukan sama ada daerah-daerah yang berkenaan atau sekolah-sekolah yang berkenaan itu patut dibekalkan ataupun tidak buat sementara ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, rancangan tambahan pemakanan ini kita pun ada satu penyelarasan dengan Jabatan Perdana Menteri dan laporan-laporan itu boleh didapati daripada Jabatan Perdana Menteri supaya kita dapat memastikan kawasan-kawasan yang mana berkehendakan atau dapat memastikan yang mana perlu untuk mengadakan tambahan makanan ini.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri, selain daripada masalah memberi susu dan makanan kepada murid-murid di sekolah rendah, adakah Timbalan Menteri bercadang untuk menambah lebih banyak lagi pegawai-pegawai perubatan melawat ke sekolah-sekolah rendah itu memeriksa pelajar-pelajar oleh kerana yang mana saya tahu ada ramai pelajar-pelajar atau murid-murid yang mengidap penyakit "congenital heart disease" yang ibubapa sendiri pun tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soalan lain daripada soalan asal.

SAWAH PADI—KEKURANGAN TENAGA PEKERJA

6. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah/sedang diambil bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga pekerja di sawah padi di negara kita.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, masalah kekurangan tenaga pekerja di sawah padi merupakan masalah sosio-ekonomi dan teknikal. Salah satu perkara yang menyebabkan masalah ini timbul ialah kerana kerja-kerja persawahan ini hendak disiapkan dalam masa yang singkat dan serentak. Kementerian Pertanian sedang mengambil langkah-langkah untuk memperkenalkan dan menggalakkan petani-petani menggunakan jentera dengan menambahkan bilangan jentera-jentera pembajak sawah dan jentera penuai lengkap di kawasan KADA dan MADA. Di samping itu Lembaga Pertubuhan Peladang juga ada menyediakan perkhidmatan jentera-jentera pertanian untuk tujuan tersebut. Latihan kemahiran kepada belia-belia untuk menjadi operator trektor juga ada dijalankan.

Selain dari penggunaan jentera, tenaga pekerja yang ramai juga diperlukan di sawah-sawah padi pada musim-musim tertentu, terutama di musim menanam dan musim menuai. Kementerian Pertanian sentiasa berusaha mendapatkan pekerja-pekerja dari luar ke kawasan-kawasan tertentu, terutama untuk kerja-kerja memotong dan memukul padi. Usaha membawa pekerja-pekerja dari luar ini adalah merupakan usaha jangka pendek sahaja, sehingga kita dapat menarik minat lebih ramai lagi pekerja-pekerja tempatan, terutama anak-anak muda kita supaya cenderung kepada lapangan pertanian.

Untuk menarik minat orang ramai kepada Cawangan Pertanian, Kementerian saya dengan kerjasama semua pihak, sedang berusaha menyakinkan bahawa lapangan pertanian di Negara ini sedang menghadapi masa depan yang lebih cerah dan kerja-kerja petani menjadi satu kebanggaan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri Pertanian sedar bahawa kerja-kerja dalam bidang pertanian khususnya pertanian tanaman padi satu bidang yang tidak diminati oleh anak-anak muda kita. Memang, Tuan Yang di-Pertua, saya mengaku untuk mengetam padi, membajak sawah padi itu boleh digunakan jentera tetapi untuk menanam padi, adakah pihak Kementerian Pertanian itu telah menyediakan dan memikirkan macam mana cara padi itu mesti ditanam dengan mesin, saya rasa tak pernah saya tengok lagi, kalau saya tengok pun ada satu-dua mesin sahaja. Jadi bagaimanakah

untuk mengatasi supaya penanaman padi ini boleh ditanam dengan mesin sebagaimana dapat kita mengetam padi dan membajak sawah dengan mesin.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang betul sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat itu bahawa lapangan pertanian terutama sekali kerja-kerja di sawah padi itu kurang menarik minat terutama sekali pemuda-pemuda kita. Oleh sebab itu seperti saya sebutkan tadi usaha sedang dijalankan oleh pihak Kementerian saya bersama dengan kerjasama pihak yang lain termasuk kerjasama dari Ahli Yang Berhormat sendiri untuk kita menarik minat lebih ramai lagi pemuda-pemuda kita yang cenderung dalam lapangan ini dengan dua cara yang saya sebutkan tadi. Pertama supaya kerja-kerja pertanian ini dianggap sebagai suatu pekerjaan yang boleh membanggakan, maksudnya tidak lagi dipandang hina pekerjaan ini. Dan bahagian kedua pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu berhubung dengan penggunaan jentera bagi menanam padi, memang betul masih belum dipergunakan lagi dengan luasnya di negara kita ini tetapi sudahpun ada digunakan di beberapa negara yang lain yang di mana ada jenis jentera yang tertentu yang boleh menanam padi di dalam sawah-sawah padi. Tetapi Kementerian saya sentiasa berhati-hati dalam memperkenalkan jentera-jentera baru seumpama itu. Ia berkehendakkan kepada percubaan, kajian yang teliti sama ada ianya sesuai atau tidak dengan keadaan tanah di negara kita ini, dan jika didapati ianya sesuai, mungkin diperkenalkan dengan luasnya kepada petani-petani kita seperti jentera menuai padi didapati sesuai di setengah-setengah tempat terutama sekali di kawasan MADA dan ianya sekarang digalakkan penggunaannya.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan akan menaikkan harga padi sebagai satu dorongan untuk menggalakkan petani-petani kita untuk menanam padi dengan lebih giat lagi.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soal menaikkan dan menurunkan harga padi adalah di bawah kuasa I PN dan tidak di bawah Kementerian saya, tetapi untuk menarik minat petani-petani kita menanam padi dalam tahun ini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum dan juga telah diperbahaskan di dalam

Dewan ini satu sekim subsidi diberi iaitu sekim subsidi baja padi diberikan kepada petani-petani dan diharap ianya memberi faedah untuk meringankan sedikit beban yang dipikul oleh petani-petani dan menarik minat mereka ataupun memberi galakan kepada mereka di dalam lapangan penanaman padi.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminjam akan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa Kementerian beliau sedang mengusahakan supaya kerja-kerja menanam padi ini dapat menjadi satu kerja yang dibanggakan. Soalan saya ialah apakah pendekatan (approach) yang dibuat oleh Kementerian, sama ada dalam bentuk pendapatan penanam-penanam padi itu lebih tinggi yang dengan sendirinya menjadikan kerja itu menarik minat atau Kementerian memikirkan bahawa dari segi psikologi atau menarik minat sahaja supaya kerja-kerja itu menjadi satu kerja yang dibanggakan tanpa menghiraukan apakah sekim pendapatan petani-petani akan terus meningkat supaya kerja-kerja menanam padi itu dengan sendirinya menarik minat dan dibanggakan oleh petani-petani.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, masalah ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi adalah merupakan masalah sosio-ekonomi yang berkehendakkan kepada perancangan yang teliti dan approach yang lebih sempurna, lebih tepat tetapi setakat ini kedua-dua cara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah menjadi amalan Kementerian saya. Yang pertamanya ialah berusaha supaya pendapatan dari hasil usaha-usaha pertanian itu bertambah baik sehingga dengan sendirinya dapat menarik minat lebih ramai lagi pemuda-pemuda kita ke lapangan ini. Yang keduanya dengan cara memberi fahaman kerana ada sebenarnya lapangan yang sekarang ini memberi pendapatan yang lebih baik dengan pekerjaan-pekerjaan yang lain umpamanya jika menjadi buruh di kilang-kilang di Petaling Jaya sahaja kalau dapat \$5-\$6 satu hari umpamanya telahpun ada di lapangan pertanian di mana mereka juga berpeluang mendapat \$5-\$6 atau lebih satu hari tetapi oleh sebab barangkali dari segi pemikirannya, dari segi fahaman individu menganggap kerja sebagai buruh kilang di Kuala Lumpur ini barangkali lebih selesa, lebih baik daripada bekerja di bendang, di

mana-mana ladang dalam lapangan pertanian maka lebih ramai yang bertumpu ke bandar-bandar seperti yang berlaku di kawasan Seberang Prai dengan Pulau Pinang umpamanya banyak sawah-sawah di kawasan Seberang Prai yang dilaporkan terbiar.

Kesimpulannya kedua-dua approach yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah menjadi amalan Kementerian saya tetapi saya meminta izin, Tuan Yang di-Pertua, merayu kepada setiap pihak terutama sekali Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membantu kami di dalam usaha ini kerana sebagaimana yang saya sebutkan tadi perkara ini adalah merupakan masalah sosio-ekonomi yang berkehendakkan usaha daripada semua pihak.

Dr Tan Tiong Hong: Tuan Yang di-Pertua, tadi Timbalan Menteri berkenaan telah memberitahu Dewan ini cara untuk mengatasi masalah kekurangan kakitangan di sawah padi boleh diselesaikan dengan cara lain iaitu dengan menggunakan jentera-jentera. Tetapi oleh kerana sawah padi kita tidak begitu besar dan jikalau satu sawah padi menggunakan satu jentera sahaja ini boleh menyebabkan kos production menjadi tinggi. Adakah atau tidak Kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan satu cara di mana sawah-sawah padi di satu tempat boleh berkongsi menggunakan satu jentera sahaja. Dengan cara ini barangkali kos production boleh diturunkan.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ada dan sedang dijalankan sekarang ini.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan-jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri saya dapat memahami bahawa di masa ini sawah-sawah padi kita kekurangan pekerja hanya di dua musim iaitu di musim menanam dan juga di musim menuai. Saya rasa ini menunjukkan satu kejayaan bagi dasar pembangunan Kerajaan kerana kalau dahulu kita tidak ada kekurangan pekerja-pekerja di sawah padi tetapi hari ini dengan penghijrahan daripada belia-belia kita dan juga beliawanis-beliawanis daripada luar bandar ke bandar-bandar, kita hari ini menghadapi kekurangan pekerja-pekerja di sawah padi.

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pelancaran Geraktani yang dilancarkan baru-baru ini akan dapat mengekalkan belia-belia dan juga beliawanis kita di kawasan-kawasan sawah padi supaya di masa menanam dan juga di masa menuai kita akan dapat menggunakan tenaga-tenaga mereka ini ataupun adakah Kerajaan bercadang mengadakan misalnya industri-industri yang berasaskan kepada sumber-sumber daripada padi supaya dapat kita kekalkan belia-belia dan juga beliawanis ini di kawasan padi untuk kita gunakan tenaga mereka dalam masa menuai dan juga menanam.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sangat soalan tambahan ini.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pelancaran kompleks Geraktani yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini merupakan satu ikhtiar memberi publisiti kepada lapangan pertanian selain daripada kompleks Geraktani itu sendiri akan digunakan sebagai penyelaras (co-ordinator) dalam segala kegiatan pertanian dan kita berharap ianya berjaya memperbaiki lagi sistem pertanian kita dan menambah lagi pengeluarannya dan menambahkan lagi pendapatan petani-petani dan dengan cara yang demikian itu dapat menarik minat lebih ramai lagi pemuda-pemuda kita ke lapangan pertanian.

MAS—MAKANAN TEMPATAN

7. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa syarikat-syarikat penerbangan di luar negeri menyediakan makanan kepada penumpang-penumpangannya mengikut keperluan makanan negara itu masing-masing dan dengan demikian sama ada syarikat penerbangan MAS boleh menyediakan makanan-makanan tempatan, kerana ini boleh mempopularkan makanan Malaysia di luar negeri di mana pada umumnya penumpang-penumpang ingin menukar selera makanan yang disediakan. Jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu Syarikat Penerbangan di luar negeri menyediakan bukan sahaja makanan-makanan nasional

masing-masing, tetapi juga makanan-makanan yang lain supaya penumpang-penumpang dapat memilih jenis makanan yang mereka suka. Oleh yang demikian, pihak MAS pun mengadakan dasar menyediakan makanan tempatan dan juga makanan-makanan bukan tempatan supaya penumpang-penumpang yang mengandungi berbagai bangsa boleh memilih jenis-jenis makanan yang mereka suka. Makanan-makanan tempatan umpamanya satay dan sebagainya ada disediakan bagi setengah-setengah perkhidmatan MAS.

Perkara menyediakan makanan juga bergantung kepada jauh dekatnya sesuatu penerbangan itu dan juga sama ada makanan itu boleh tahan lama atau seumpamanya. Perubahan makanan ini dibuat dari masa ke semasa untuk faedah penumpang-penumpang.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah atau tidak Timbalan Menteri menyedari makanan-makanan yang dikatakan seperti satay dan sebagainya tidak terdapat di Kelas Ekonomi. Maksud saya di sini ialah tidakkah pihak Kementerian sedar bahawa makanan yang telah dibekalkan kepada penumpang-penumpang Kelas Ekonomi seperti sandwich, kek dan sebagainya tidakkah dapat ditukarkan dengan makanan-makanan Melayu kita?

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu mengenai makanan ini pada setengah-setengah perjalanan memang diadakan makanan-makanan seperti yang saya sebutkan tadi tetapi pada setengah-setengah perjalanan memandangkan keadaan perjalanan dan kemudahan penyediaan dan seumpamanya itu kadang-kadang ada masa-masanya penyediaan makanan seperti yang dimaksudkan itu tidak dapat disediakan.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kebanyakan penerbangan dalam negeri khususnya di Sarawak umpamanya dari Sibu ke Kota Kinabalu (KK) mengambil masa dekat 4 jam tetapi makanan langsung tidak disediakan untuk penumpang-penumpang.

Tuan Yang di-Pertua: Dari mana tadi, dari Sibu ke

Tuan Chan Teck Chan: Dari Sibu ke Kota Kinabalu yang kena melalui Labuan, Lahat Datu dan lain-lain tempat, maka penumpang-penumpang mengambil masa 4 jam tetapi makanan ringan langsung tidak disediakan. Jika Yang Berhormat sedar perkara ini adakah perkhidmatan ini akan membekalkan makanan supaya penumpang tidak menghadapi masalah kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, nanti penumpang-penumpang kelaparan. Sila!

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, penyediaan makanan dalam penerbangan dalam negeri adalah bergantung kepada masa yang tertentu. Sekiranya masa dalam perjalanan bersesuaian dengan masa yang diperlukan mendapat makanan maka pada biasanya disediakan makanan. Tetapi sekiranya dalam perjalanan itu masanya tidak bertepatan dengan waktu makan seperti makan tengah hari atau seumpamanya maka penyediaan makanan ringan memang disediakan. Saya sedar dalam perjalanan dari Sibu ke Kota Kinabalu memanglah agak memakan masa tetapi tidaklah sehingga sampai 4 jam lebih. Maka penyediaan makanan dalam perjalanan itu seperti saya sebutkan memang diamalkan seperti apa yang saya katakan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah sedar bahawa satu masa dahulu MAS ini ada menghidangkan nasi dagang kepada penerbangan dalam negeri. Apakah sebabnya hidangan nasi dagang ini diberhentikan dan digantikan dengan roti atau sandwich. Padahal penumpang-penumpang dalam negeri ini 90% jenis yang makan nasi.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Saya sedar. Memang pihak MAS menyediakan makanan seperti nasi dagang dalam penerbangan dalam negeri dan tidak di luar negeri atau penerbangan antarabangsa. Tetapi manakala didapati kadang-kadang jenis makanan bagaimana yang disebutkan itu tidak boleh tahan lama maka keadaan telah menyebabkan MAS terpaksa mengubah jenis makanan.

Tuan Yang di-Pertua: Barangkali ikan untuk nasi dagang, tidak dapat.

Puan Chow Poh Kheng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri sama ada beliau sedar makanan dalam kapal-terbang MAS selalu serupa dan tidak bertukar.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya kurang tepat kerana tidaklah sepanjang masa makanan yang sama dihidangkan dalam penerbangan baik dalam negeri ataupun luar negeri. Ada masa-masanya jenis makanan itu ditukar-tukarkan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa pihak MAS memberikan minuman yang begitu keterlaluan kepada penumpang-penumpang yang termasuk arak, berlainan dengan syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Kalau syarikat penerbangan yang lain penumpang-penumpang yang hendak minum dia kena beli tetapi apa yang saya perhatikan dalam MAS bila penumpang hendak minuman arak pada bila-bila masa sahaja pelayan-pelayan itu boleh memberikannya. Adakah ini disedari oleh pihak berkenaan.

Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar. Tetapi bukanlah MAS sahaja yang menyediakan minuman-minuman seperti itu. Mana-mana penerbangan yang tidak menjadi ahli IATA memang ada menyediakan minuman-minuman seperti itu.

LAWATAN MISI PERDAGANGAN KE SEBERANG LAUT

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setelah banyak misi perdagangan dihantar ke seberang laut untuk menarik pelaburan ke negara ini, apakah hasil lawatan-lawatan tersebut dan sama ada sebarang cadangan atau perbincangan dibuat antara Kementerian dengan Dewan Perniagaan untuk menjadikan lawatan itu lebih berhasil.

Dato Lew Sip Hon: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah mengetuai rombongan galakan pelaburan ke luar negeri di mana tiga daripadanya telah diadakan pada tahun 1978 dan dua pada tahun ini. Untuk mak-

luman Ahli Yang Berhormat perlulah saya nyatakan di sini bahawa hasil rombongan-rombongan galakan pelaburan ke luar negeri tidak dapat dinilai dalam jangka masa yang pendek. Selalunya keputusan pelaburan yang melibatkan pengaliran keluar berjuta-juta ringgit dan oleh yang demikian seseorang pelabur yang berminat untuk melabur perlu mengambil masa.

(a) Hasil dari rombongan-rombongan yang diadakan dalam tahun 1978.

Dalam tahun 1978 Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memimpin rombongan-rombongan galakan pelaburan ke Eropah (Birmingham, Frankfurt, Copenhagen dan Paris), Amerika Syarikat (di Los Angeles, Kingston, New York, Chicago dan Seattle) dan Jepun (Tokyo dan Osaka).

Semenjak rombongan Menteri ke negara-negara tersebut jumlah bilangan projek-projek baharu yang telah diluluskan oleh Kementerian saya sehingga Jun 1979 ialah 35 buah projek-projek ini adalah dijangka melibatkan pelaburan modal yang dicadangkan sebanyak \$210 juta.

(b) Hasil daripada rombongan-rombongan yang telah diadakan setakat ini dalam tahun 1979, pada tahun ini Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah memimpin dua rombongan galakan pelaburan iaitu ke Eropah, Milan, Manchester dan Munich dan satu lagi ke Hong Kong. Rombongan ke Jepun yang meliputi Nagoya dan Fukuoka pada tahun ini telah dipimpin oleh Pengerusi MIDA.

Berhubung dengan hasil rombongan-rombongan galakan pelaburan ini adalah terlalu awal untuk memberi angka-angka mengenai projek sebenar oleh kerana permohonan-permohonan untuk kelulusan bagi projek-projek ini akan hanya diketahui pada tahun depan.

Mengenai bahagian kedua soalan ini suka-lah saya memaklumkan iaitu Kementerian saya telahpun mengujudkan hubungan rapat dengan Dewan Perniagaan dan Perindustrian di mana kami selalu mengadakan dialog bertujuan untuk bertukar-tukar fikiran bagi mempercepatkan lagi kemajuan perindustrian di negara ini.

Tiap-tiap kali Kementerian saya meng-anjurkan rombongan galakan pelaburan kami menjemput pengusaha-pengusaha dari

pihak swasta untuk menyertai rombongan-rombongan tersebut melalui Dewan Perniagaan dan Perindustrian. Menyedari betapa pentingnya penyertaan bumiputra di dalam pembangunan perindustrian Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu juga dipinta untuk mencalonkan peserta-peserta untuk mengikuti rombongan-rombongan tersebut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setiap kali tawaran-tawaran bagi lawatan untuk misi perdagangan dibuat biasanya orang-orang yang tertentu dan orang-orang yang sama sahaja yang mengikuti atau menyertai dalam lawatan ini sedangkan penyertaan dari kalangan pedagang-pedagang yang lain terutama bumiputra amat kecil sekali disebabkan mereka tidak mampu membiayai lawatan tersebut mungkin dengan sebab belanja yang besar dan jika sedar apakah Kementerian bercadang untuk menanggung sebahagian daripada kos penyertaan ini supaya lebih ramai lagi bilangan peniaga-peniaga bumiputra dapat menyertai misi perdagangan ini. Dan kedua, sama ada Kementerian bercadang untuk membuat tawaran kepada Ahli-ahli Parlimen biasa untuk mengikuti lawatan-lawatan perdagangan ke luar negeri.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya apabila jemputan diberi kepada Dewan Perniagaan dan Perindustrian, jemputan ini dikelilingkan kepada semua ahli-ahli Dewan itu dan sesiapa yang ada minat untuk mengambil bahagian dalam rombongan ini membuat permohonan. Dan saya tahu kalau Kementerian ini fikir penyertaan ahli-ahli itu ada berfaedah permohonan ini diluluskan dan saya rasa tidak benar selalunya orang yang menyertai rombongan ini tidak berubah.

Mengenai menanggung perbelanjaan ahli-ahli daripada Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu yang mana lebih peluang diberi kepada peniaga-peniaga atau pelabur-pelabur bumiputra dapat menyertai rombongan ini, ini bergantung kepada peruntukan yang ada di Kementerian saya. Kalau kita boleh menanggung perbelanjaan itu, saya rasa kalau satu dua orang barangkali kita boleh ada kemampuan. Tetapi kalau semua hendak pergi, susah sedikit. Satu lagi berkenaan dengan menjemput Ahli Parlimen biasa, ini saya tidak berapa erti apa yang dikatakan

“Ahli Parlimen biasa”. Adakah Ahli Parlimen biasa itu yang biasa berniaga dalam perkilangan dan perindustrian? Inj saya rasa kalau ada minat mesti boleh buat permohonan terus kepada Yang Berhormat Menteri dan pertimbangan sewajarnya boleh diberikan kepada permohonan itu.

HARGA BARANG-BARANG MENTAH KELUARAN MALAYSIA

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah beliau sedar bahawa sungguhpun terdapat harga barangan yang tinggi, pengangguran dan kurang pekerjaan merupakan masalah-masalah yang serius, dan nyatakan angka pengangguran yang sebenarnya di negara ini dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menyediakan pekerjaan bagi beribu-ribu yang telah tamat persekolahan yang sedang mencari kerja.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar pada masa ini harga barang-barang mentah pengeluaran Malaysia (commodity prices) adalah baik dan ini telah menyenangkan pertumbuhan ekonomi yang agak pesat. Kerajaan memanglah memandang berat terhadap masalah pengangguran di kalangan belia-belia kita, akan tetapi kita dapat mengatakan bahawa masalah ini sedang diatasi melalui perkembangan peluang-peluang pekerjaan yang berilai dalam semua sektor. Adalah jelas bahawa peluang-peluang pekerjaan yang dihasilkan oleh rancangan-rancangan Malaysia telah meningkat naik dan dengan itu pengangguran di kalangan tenaga buruh kita telah dapat dikurangkan.

Mengikut kajian-kajian yang telah dibuat tenaga buruh di negara kita dalam tahun 1975 adalah berjumlah 4.3 juta orang. Daripada jumlah itu 300,000 orang tenaga buruh telah dianggarkan menganggur iaitu merupakan kadar pengangguran sebanyak 7%.

Dalam tahun 1980 jumlah tenaga buruh dijangka akan meningkat kepada 5.1 juta orang. Daripada jumlah itu hampir 94% akan diberikan pekerjaan. Anggaran ini bermakna lebih kurang 6.1% sahaja daripada tenaga buruh kita akan menganggur penghujung tahun 1980. Kajian-kajian yang dijalankan juga menunjukkan bahawa masalah-masalah penggunaan tenaga buruh tidak

penuh (under-employment) telah juga dapat dikurangkan dalam beberapa tahun yang lalu.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa hampir 94.4% daripada jumlah tenaga buruh yang dijangka meningkat kepada 5.1 juta orang pada tahun 1980 yang akan dapat diberi pekerjaan. Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berdasarkan kepada apa asas angka ini dapat diramalkan. Dan di samping ini juga saya bertanya sama ada Kementerian yang berkenaan mempunyai satu jentera ataupun agensi kordinasi yang dapat menyelaraskan usaha-usaha dalam segala sektor berkenaan dengan langkah-langkah untuk mengatasi masalah pengangguran di negara kita.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, anggaran yang saya berikan tadi untuk tahun 1980 adalah diasaskan di atas kajian-kajian di atas keadaan sekarang, kajian dalam pasaran buruh dan juga satu anggaran yang diasaskan di atas rancangan-rancangan yang dijalankan dan kadar perkembangan ekonomi yang dijangka dalam tahun 1980. Mengenai soal kedua iaitu penyelarasan di antara agensi-agensi dan lain-lain memanglah ini menjadi satu amalan biasa bagi Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa perangkaan yang diberikan oleh "Bulletin" bulanan yang dikeluarkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat tidak patut mencerminkan keadaan pengangguran yang sebenarnya kerana tiap-tiap bulan ada beribu-ribu mendaftar dengan Employment Centres telah dipotong namanya kalau dalam masa enam bulan mereka tidak membarui pendaftaran mereka dan ini telah mengakibatkan angka pengangguran yang dikaji oleh Kerajaan ini tidak begitu tepat. Maka adakah Kementerian Buruh akan bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa supaya keadaan pengangguran di Malaysia yang sebenarnya boleh dikaji dengan sebenarnya, bukan hanya menurut sistem pengiraan sekarang.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, itu bukan salah "Bulletin" bulanan bahawa nama orang-orang dipotong selepas enam bulan jika mereka tidak membarui pendaftaran mereka di Pejabat-pejabat Pekerjaan. Itu adalah hasil daripada peraturan yang diikuti

pada masa ini. Peraturan itu adalah diikuti oleh kerana selepas pendaftaran ada setengah-setengah pencari kerja yang dapat kerja yang lain ataupun tidak berminat mencari kerja lagi dan lain-lain. Untuk mengemaskan usaha-usaha kita dalam perkara ini kita berkehendakkan pihak-pihak yang hendak mencari kerja ataupun mencari kerja yang lain daripada apa yang mereka sandang pada masa ini untuk membarui pendaftaran mereka. Saya rasa amalan itu adalah satu yang baik dan harus digalakkan. Kita tidak menyatakan di mana-mana bahawa anggaran pendaftaran daripada Pejabat-pejabat Pekerjaan adalah satu anggaran yang menunjukkan kadar pengangguran sepenuhnya.

Mengenai cadangan yang kita selalu sahaja dengar daripada pihak Pembangkang iaitu menubuhkan sebuah jawatankuasa, saya rasa tidak payahlah kerana Kementerian saya mempunyai kebolehan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain yang terlibat mempunyai kebolehan yang cukup untuk membuat kajian yang dicadangkan dan kajian-kajian yang dijalankan pada masa ini.

Dr Tan Tiong Hong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar atau tidak masalah pengangguran tidak begitu serius di semua sektor berkenaan oleh kerana ada sektor yang mana kilang-kilang hari ini menghadapi masalah mencari pekerja-pekerja. Dan jikalau sedar, adakah Kementerianya mempunyai cadangan untuk menolong kilang-kilang semacam itu untuk mengatasi masalah tersebut?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa ada setengah kilang-kilang yang menghadapi kekurangan pekerja-pekerja pada masa ini tetapi usaha mereka untuk mencari pekerja-pekerja yang sesuai adalah satu yang sentiasa dijalankan dan ini tidak menunjukkan bahawa kita mempunyai shortage of labour pada keseluruhannya tetapi menghadapi kekurangan pekerja-pekerja di satu-satu tempat. Ini hanya merupakan kekurangan mobility di dalam kalangan buruh dan juga ada masalah-masalah "choosiness" ataupun memilih-milih di kalangan muda-mudi kita terhadap pekerjaan-pekerjaan yang ada di dalam ekonomi kita. Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan lain-lain sedang menjalankan beberapa exercise untuk mengatasi masalah mobility

dan sikap pekerja-pekerja dan kita memanglah sentiasa membantu kilang-kilang dan pengusaha-pengusaha yang lain yang menghadapi kekurangan pada masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason.

Tuan Wong Hoong Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 10.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Tanjung.

KHALWAT—HUKUMAN KESALAHAN

10. Tuan Wong Hoong Keat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohamad Nasir, telah mengumumkan baru-baru ini di Johor Bahru di dalam satu dialog yang diadakan dengan kadi-kadi, penghulu-penghulu dan pegawai-pegawai jabatan agama bahawa satu jawatankuasa telah ditubuhkan oleh Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan menghukum orang-orang bukan Islam yang didapati berkhalwat dengan perempuan Islam; sama ada beliau sedar langkah seumpama itu adalah bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan berkait dengan kebebasan beragama dan juga ia melemahkan asas sebuah masyarakat yang berbilang bangsa dan berbilang agama seperti Malaysia.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, memang sebenarnya sebuah Jawatankuasa telah dilantik oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam bagi mengkaji masalah untuk menentukan hukum kesalahan berkhalwat di negeri ini. Jawatankuasa ini sedang mengkaji masalah ini dan sehingga ini Jawatankuasa ini belum lagi mengemukakan laporannya kepada Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Agama Islam. Oleh yang demikian, kedudukan kajian ini belum diketahui lagi.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah erti sebenarnya perkataan 'khalwat' kerana terdapat sedikit pengertian yang diberi, yang berbeza dengan apa yang difahami oleh orang ramai pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua: Patut bertanya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera kerana dia yang membangkitkan hal ini. Adakah Yang Berhormat hendak jawab?

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal ini berbangkit daripada ketenangan saya di Johor waktu saya menghadiri satu kursus ceramah Pegawai-pegawai Agama di negeri Johor.

Suka saya menjelaskan apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi apakah maknanya "khalwat". "Khalwat" ada dua maknanya :

- (a) "Khalwat" mengasingkan diri beribadat di dalam masjid, nama dalam bahasa Arab "khalwat" juga.
- (2) Duduk bersaingan, berdua-duaan di dalam bilik atau sesuatu tempat yang sulit yang boleh membawa sangkaan dan membawa kepada perbuatan yang jahat itupun dinamakan "khalwat".

Jadi, pengertian itu tidak menjadi masalah, perkataan itu tidak juga menjadi masalah dalam undang-undang kalau hendak diciptakan Undang-undang Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menambah sedikit atas jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mana itupun sudah memadai apa yang telah dijawab oleh beliau itu. Tetapi untuk menjelaskan lebih lanjut sedikit iaitu apakah yang hendak ditakutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu Yang Berhormat Tuan Peter Paul Dason tentang Undang-undang Islam. Kalau kita lihat dan kaji betul-betul apapun undang-undang di dalam dunia ini, di mana sahaja dalam dunia ini sama ada undang-undang secular yang dicipta oleh manusia ataupun revealed law—undang-undang yang diturunkan oleh Tuhan kepada Nabi-nabi yang akhirnya kepada Nabi Muhammad (s.a.w.) semuanya itu adalah bertujuan untuk protection, untuk memberi perlindungan kepada individu, kepada keluarga, kepada masyarakat dan kepada negara. Jadi, tujuannya untuk protection dan pelaksanaan undang-undang itu adalah merupakan justice, keadilan sebab itulah di dalam mana-mana perbicaraan dalam mahkamah dibenarkan lawyer-lawyer membawa kes mempertahankan untuk memberi perlindungan kepada orang yang dituduh. Jadi, semua undang-undang itu ialah semangat for protection and justice.

Kalau Ahli Yang Berhormat lihat kepada undang-undang dunia seperti Charter of the United Nations di atas 111 Fasal (111 Articles) semuanya itu jika dikaji one-by-one, satu demi satu semuanya menerangkan semangat perlindungan manusia daripada kemusnahan (destruction) peperangan. Jadi, apa pun undang-undang sama ada undang-undang yang dibuat oleh manusia atau undang-undang Tuhan yang revealed daripada langit, semuanya untuk keadilan. Jadi, tidak payah ditakuti oleh sesiapa, melainkan orang yang mahu melakukan kejahatan sahaja takut kepada undang-undang.

Beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Soal khalwat ini tidak payah lagi!

BAHASA MALAYSIA BAGI MURID-MURID SEKOLAH RENDAH CHINA/TAMIL

11. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar hanya 15.2% murid-murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dari sejumlah 11,585 dan cuma 18.7% murid-murid dari sejumlah 92,989 dari sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China lulus dalam mata-pelajaran Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan Penilaian Darjah Lima tahun 1978; jika sedar nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk meningkat taraf sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan China serta juga memperbaiki kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sedar di atas pencapaian dalam Bahasa Malaysia di kedua-dua jenis sekolah tersebut itu. Oleh kerana pelajaran Bahasa Malaysia merupakan satu matapelajaran di dalam jadual waktu dan bukan Bahasa Pengantar maka pendedahan murid-murid terhadap bahasa itu adalah terhad. Dengan itu Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah berikut untuk memperbaiki pencapaian bahasa tersebut di sekolah-sekolah berkenaan:

- (i) Menambahkan lagi bilangan guru-guru yang terlatih dan mempunyai kelayakan yang sesuai dalam Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China dan Tamil.

- (ii) Mengkaji semula sukatan pelajaran Bahasa Malaysia sekolah-sekolah rendah untuk menyesuaikan dengan perkembangan bahasa murid-murid di satu-satu peringkat dari pembelajaran-nya mahupun dari segi penggunaan bahasa itu sehari-hari.
- (iii) Memberi kursus Dalam Perkhidmatan kepada guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah rendah dalam peng-kaedahan mengajar Bahasa Malaysia.
- (iv) Melancarkan satu projek Bacaan Tambahan Bahasa Malaysia untuk sekolah-sekolah rendah khususnya sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan. Pelaksanaan projek ini kelak akan bergantung kepada bekalan buku-buku bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia yang terdapat di dalam pasaran buku-buku hari ini. Buat masa ini terdapat tanda-tanda menunjukkan banyak cerita-cerita pendek yang di-karang dalam Bahasa Malaysia. Buku-buku ini akan digredkan mengikut kebolehan bahasa murid-murid pada sesuatu peringkat untuk digunakan dalam projek ini.

Di sini saya ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat dari Kluang, bahawa tanpa kerjasama dan galakan daripada semua pihak yang berkenaan, segala usaha-usaha untuk meninggikan taraf Bahasa Malaysia tidak akan mendapat kejayaan sepenuhnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kursus-kursus kepada guru-guru dan bacaan-bacaan tambahan dalam Bahasa Malaysia yang akan diberikan kepada murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil, salah satu faktor yang penting yang menyebabkan lemahnya pencapaian Bahasa Malaysia di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil ini kerana Bahasa Malaysia hanya diajar sebagai satu matapelajaran sahaja. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran bercadang hendak menukarkan dua, tiga matapelajaran dari bahasa peng-hantar China atau Tamil kepada bahasa peng-hantar Bahasa Malaysia. Misalnya, pelajaran ilmu hisab, pelajaran ilmu alam atau satu dua matapelajaran lagi dengan tujuan hendak meninggikan pencapaian kepada Bahasa Malaysia kepada murid-murid sekolah tersebut.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah mungkin di dalam perbincangan Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji pelaksanaan sistem pelajaran.

Tuan Lee Kaw: Jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran, selain daripada langkah-langkah yang diberi tahu dalam Dewan ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri timbangkan satu langkah di mana murid-murid di Sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil dan selepas sekolah itu dihantar ke Sekolah Kebangsaan untuk immersion class iaitu dicampurkan dengan murid-murid yang belajar dalam Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba jelaskan soal itu betul-betul, campur yang macam mana?

Tuan Lee Kaw: Tuan Speaker, murid-murid yang pada satu sekolah selepas sekolah ini additional classes di mana ini mesti dalam sekolah lain yang Malay classes murid-murid boleh campur kepada murid-murid yang belajar Bahasa Malaysia sahaja dan ada satu peluang di mana mereka boleh, dengan izin, give them the opportunity to mix and and speak in Bahasa Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, perkara ini barangkali melibat "motivation" murid-murid tetapi sebenarnya langkah yang telah dijalankan sekarang iaitu bila murid-murid selepas mempelajari Darjah VI mereka akan meningkat kepada sekolah menengah jenis kebangsaan atau sekolah menengah yang mana mereka dapatlah menghadiri satu tahun dalam kelas peralihan. Tujuan kelas peralihan ini ialah untuk mereka mengukuhkan lagi dari segi bahasa, khasnya Bahasa Malaysia, mengukuhkan landasan mereka dalam kelas peralihan ini supaya mereka dapatlah lebih kukuh dalam setiap matapelajaran Bahasa Malaysia sebelum mereka meningkat ke Tingkatan I dan cara ini memang dikatakan efektif untuk murid-murid.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, memang apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi langkah-langkah untuk memperbaiki mutu bahasa bagi sekolah Tamil itu adalah baik, tetapi saya ingin hendak bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak bahawa terdapat sekolah-sekolah Tamil yang mempunyai darjah atau kelas tingkat berasingan,

6 darjah yang diajar dalam satu bilik sahaja, itu adalah salah satu daripada sebabnya yang mengakibatkan mutu bahasa itu dikurangkan. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, sama ada beliau akan bercadang apakah tindakan akan diambil supaya mengatasi masalah ini.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya sedar perkara itu ada berlaku, khasnya sekolah-sekolah di dalam ladang-ladang dan juga luar bandar. Oleh sebab itulah kita sudah mencadangkan supaya sekolah-sekolah semacam itu kalau ada menghadapi perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kita bercadang supaya ada sekolah-sekolah pusat atau group school supaya mereka boleh semua berkumpul dalam sebuah sekolah pusat yang lebih lengkap dan juga lebih mempunyai guru-guru terlatih supaya mereka dapat lebih selesai dan juga dapat lebih sempurna dari segi pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Seow Hun Kim!

Tuan Wong Hoong Keat: Tuan Speaker, soalan No. 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini atas nama Ahli Yang Berhormat dari Tanjong.

KEMALANGAN JALANRAYA— BILANGAN

12. Tuan Wong Hoong Keat (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan jumlah bilangan kemalangan jalanraya yang berpunca dari penggalian-penggalian di tepi jalan pada lima tahun yang lalu dan apakah langkah-langkah berkesan yang akan diambil untuk mengelak kemalangan-kemalangan jalanraya dari berlaku dalam keadaan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jumlah bilangan kemalangan jalanraya yang berpunca dari penggalian-penggalian di tepi jalan pada lima tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya memang sedar bahawa penggalian-penggalian tersebut adalah merupakan salah satu sebab punca kemalangan jalanraya dan juga merupakan satu masalah dalam keselamatan jalanraya.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengangkutan bukanlah penguasa yang bertanggungjawab tentang jalanraya. Walau bagaimanapun, kami menyedari masalah tersebut dan sentiasa memaklumkan kepada pihak-pihak jalanraya yang berkenaan tentang masalah besar yang ditimbulkan akibat daripada penggalian-penggalian tersebut dan meminta supaya langkah-langkah yang sesuai diambil bagi mengatasinya demi untuk menjaga keselamatan orang ramai di jalanraya.

Di antara langkah-langkah yang diambil bagi mengelakkan kemalangan-kemalangan dalam keadaan ini dari berlaku ialah:

- (a) Mengadakan penyelarasan di antara pihak-pihak yang ada kaitan dengan kerja-kerja yang melibatkan penggalian jalan agar bahagian-bahagian jalanraya yang berkenaan tidak digali berulang kali.
- (b) Mengenakan peraturan-peraturan supaya papan-papan tanda dan lampu amaran yang secukupnya diletakkan bagi menanda kerja-kerja sedang dijalankan.
- (c) Mempastikan kerja membina semula permukaan jalan dilaksanakan dengan sempurna.
- (d) Mengelak menjalankan kerja-kerja penggalian pada masa-masa sibok lalu lintas "peak hours".

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 18 adalah diberi di bawah ini.)

SIMEN—HARGA BARU

13. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar penetapan harga baru simen akan menyusahkan pengusaha-pengusaha binaan di Pantai Timur.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Saya telahpun memberi jawapan kepada soalan yang serupa semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson pada 11hb Oktober, 1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

PROJEK PEMBANGUNAN DI SABAH

14. Tuan Aliuddin Pengiran Haji Mohd. Tahir minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab berlakunya kelambatan dalam melaksanakan projek-projek pembangunan yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Sabah seperti pembinaan terminal baru lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu dan pembinaan bangunan Sekolah Menengah di Kuala Penyu dan apakah tindakan pihak Kementerian akan ambil untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Bagi menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Kimanis adalah dimaklumkan bahawa kelambatan melaksanakan projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan di Sabah adalah disebabkan oleh kurangnya pemborong-pemborong yang berpengalaman dan berkelayakan terutama sekali pemborong-pemborong kecil dan kekurangan bahan-bahan binaan seperti simen, keluli dan minyak diesel. Di samping itu kelambatan juga timbul disebabkan oleh kelewatan di dalam urusan pengambilan tanah yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan berkenaan.

Pihak Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah-masalah seperti itu dan sukacita saya memaklumkan bahawa sekatan pengimpotan keluli telahpun dimansuhkan di Sabah. Tambahan pula 10,000 tan keluli telah diimpot ke Negeri Sabah untuk projek-projek pembangunan oleh Kerajaan. Untuk mengatasi kekurangan simen, tindakan telahpun diambil untuk mengimpot simen dari Negeri Sarawak. Dengan pengimpotan seperti yang saya sebutkan tadi, keadaan barang-barang binaan itu di Negeri Sabah bertambah baik.

Kelambatan pelaksanaan bangunan terminal baru di lapangan terbang antarabangsa di Kota Kinabalu adalah disebabkan oleh kelewatan tawaran diberi kepada pemborong kerana Jabatan Kerjaraya Sabah telah membuat pertimbangan semula keperluan-keperluan lalu lintas udara yang kian bertambah dan kemungkinan adanya perkhidmatan airbus. Perkara ini telah dapat diselesaikan dan kerja-kerja akan dilakukan sedikit masa lagi.

Kelambatan pembinaan Sekolah Menengah Kuala Penyu adalah disebabkan oleh kegagalan pemborong membuat kerja-kerjanya

mengikut jadual. Oleh yang demikian, pihak J.K.R. Sabah sedang menimbang soal menamatkan kontrek oleh pemborong sekarang dan menender semula.

MAS/AEU—PANGGILAN TELEFON MENTERI DIKESAN

15. Tuan Au How Cheong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau telah menyasat bagaimana Y.B. Ahli Parlimen dari Petaling dapat mengetahui tentang panggilan telefon Menteri dari London ke Kuala Lumpur untuk mengesahkan kebebasan pegawai MAS/AEU, seperti yang dirakamkan dalam Penyata Rasmi Parlimen, Soalan/Jawapan No. 4 bertarikh 18-6-1979.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Seperti yang saya sebutkan dalam sidang Parlimen pada 18-6-1979, saya telah menghubungi Kuala Lumpur dengan telefon sekadar mengesahkan bahawa kesemua yang ditahan telah dibebaskan.

Oleh yang demikian, tidak perlu diadakan siasatan mengenai perkara ini.

OPERASI ISI PENUH— KEKOSONGAN JAWATAN

16. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan "Operasi Isi Penuh" untuk memenuhi 42,000 jawatan-jawatan kosong dalam pejabat-pejabat Kerajaan, adakah Kerajaan bertanggungjawab bahawa kemasukan jawatan-jawatan kosong ini menunjukkan perpecahan bangsa penduduk-penduduk supaya Dasar Ekonomi Baru (DEB) boleh dilaksanakan dengan adil dan seimbang.

Setiasaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Jawapan kepada soalan tersebut telahpun diberikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, semasa menjawab soalan Ahli Yang Berhormat wakil Kuala Lumpur Bandar mengenai "Operasi Isi Penuh" pada 15hb Oktober, 1979 yang lepas. Oleh itu saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

TV MALAYSIA—RANCANGAN HARI RAYA

17. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Rancangan TV Malaysia bagi tayangan Hari Raya, terdapat hampir 75% dari filem yang ditayangkan adalah filem-filem barat; jika ya, mengapa rancangan-rancangan TV Malaysia untuk Hari Raya tidak diperbanyakkan tayangan filem-filem yang berunsur agama, seperti filem-filem "Sejarah Perjuangan Panglima-panglima Islam" di zaman lampau.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Adalah tidak benar bahawa rancangan TV Malaysia bagi tayangan Hari Raya yang lepas mengandungi hampir 75% filem barat. Peratusan kandungan yang sebenarnya ialah sebagai berikut:

(i) *Hari Pertama—Sabtu 25hb Ogos, 1979*

Rancangan Tempatan—
9 jam 42' 35" = 55.6%

Rancangan Asing—
8 jam 08' 05" = 44.4%

(ii) *Hari Kedua—Ahad 26hb Ogos, 1979*

Rancangan Tempatan—
8 jam 08' 30" = 72.6%

Rancangan Asing—
1 jam 53' 55" = 27.4%

(iii) *Hari Ketiga—Isnin 27hb Ogos, 1979*

Rancangan Tempatan—
5 jam 49' 20" = 77.6%

Rancangan Asing—
2 jam 03' 00" = 23.4%

PERMIT KERJA KEPADA PELARIAN FILIPINO DI SABAH

18. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada pelarian-pelarian Filipino dan pendatang-pendatang haram dari Indonesia dikehendaki memohon Permit Kerja sebelum mereka diambil bekerja di Sabah, jika ya, berapakah bilangan Permit Kerja yang telah dikeluarkan sehingga hari ini dan bilangan pelarian Filipino dan pendatang haram dari Indonesia yang kini tinggal di Sabah.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Semua orang-orang asing termasuk pelarian-pelarian Filipina yang hendak bekerja di Negeri Sabah adalah diwajibkan memohon permit kerja. Jumlah orang-orang pelarian Filipina yang telah dibenarkan

bekerja atas pas kerja adalah sebanyak 23,418 orang. Jumlah orang-orang pelarian Filipina di Sabah ialah 92,000 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada pendatang-pendatang haram dari Indonesia yang kini tinggal apatah lagi bekerja di Sabah. Mereka yang didapati masuk secara haram adalah ditangkap dan dihantar balik ke Indonesia.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN BALU DAN ANAK YATIM (SABAH DAN SARAWAK) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sabah dan Ordinan Pencen Balu dan Anak Yatim Sarawak; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tak Berpotfolio; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1980

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 dan Anggaran Pembangunan, 1980 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (12hb November, 1979).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri menyambung ucapannya membentangkan perbelanjaan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, B. 13 dan B. 14 (Jadual)

Maksud P. 8, P. 9 dan P. 10 (Anggaran Pembangunan, 1980)—

3.37 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Pengerusi, semasa saya berhenti semalam saya baru sahaja telah masuk ke bahagian Perbelanjaan Pembangunan bagi Jabatan Perdana Menteri dan telah bermula memberi maklumat tentang Butiran (Projek) 1, 31 dan 41—(Kajian Rancangan).

Butiran (Projek) 8, 35 dan 45—(Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di luar bandar)

Di bawah rancangan Malaysia Ketiga, program pembinaan dan pembaikan jalan-jalan luar bandar merupakan salah satu daripada yang terpenting dalam program pembangunan luar bandar yang disatukan (integrated programme). Bagi tujuan ini sebanyak \$248.5 juta telah disediakan bagi tahun 1980.

Butiran (Projek) 9, 32 dan 42—(Lain-lain Rancangan Pembangunan luar bandar)

Sebanyak \$6,642,830 adalah dikehendaki bagi membiayai projek-projek kecil yang memakan belanja tidak melebihi \$10,000. Walau bagaimanapun, sesuatu projek itu boleh juga dianggap sebagai projek kecil jika ianya perlu disediakan dengan segera dengan syarat projek itu tidak melebihi \$20,000. Senarai projek-projek yang dimaksudkan meliputi jalan-jalan kecil, jambatan, jeti, membina padang permainan dan lain-lain.

Butiran (Projek) 10—(Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan)

Sebanyak \$9.4 juta diperlukan bagi membeli alat-alat kelinik perancang keluarga di negeri-negeri, membayar perkhidmatan nasihat dan lain-lain perbelanjaan untuk mencapai objektif Kerajaan memperbaiki taraf kesihatan dan kebajikan keluarga, meninggikan pendapatan dan mengawasi kadar pertumbuhan penduduk.

Butiran (Projek) 12—(Perbadanan Nasional Berhad)

Sebanyak \$117.9 juta telah disediakan sebagai pinjaman kepada PERNAS untuk Pernas Engineering Sdn. Bhd. dan Pernas Securities Sdn. Bhd.

Butiran (Projek) 19, 34 dan 44—(Menyediakan kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi peniaga kecil)

Program ini bertujuan untuk membantu peniaga-peniaga berpendapatan rendah dan belia penganggur yang berminat untuk berniaga dengan menyediakan gerai-gerai terbuka, tapak berniaga, kereta-kereta sorong dan lain-lain keperluan asas. Peruntukan sebanyak \$13,280,000 telah disediakan bagi maksud ini.

Butiran (Projek) 21—(Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Bhd.)

Sejumlah \$100.6 juta diperlukan bagi membayar bunga terhadap "bridging loan" dan lain-lain bayaran berkaitan dengan pembelian 5 buah kapal "LNG Tankers". Sebanyak \$240,000 lagi adalah sumbangan Kerajaan kepada MISC untuk Pusat Latihan Perkapalan di Melaka.

Butiran (Projek) 22—(Komputer untuk Bilik Gerakan Negara)

Sebanyak \$5 juta diperlukan untuk membeli alat perkakas dan membayar sewa tahunan bagi komputer tersebut.

Butiran (Projek) 23, 36 dan 46—(Penyelenggaraan Jalan-jalan kampung)

Sebanyak \$8.2 juta telah diperuntukkan bagi tahun 1980 sebagai bantuan Kerajaan untuk penyelenggaraan jalan-jalan kampung yang tidak berkelayakan untuk mendapat geran bantuan di bawah Perlembagaan. Program ini melibatkan bantuan penyelenggaraan sebanyak \$580 untuk satu batu dan perediaan alatan jentera ringan untuk tiap-tiap daerah.

Butiran (Projek) 24, 37 dan 47—(Pemulihan Kampung-kampung)

Rancangan pemulihan ini adalah untuk memberi kemudahan kepada kampung-kampung tertentu dalam bidang teknikal, ekonomi, kesihatan dan sosial supaya taraf dan nilai hidup penduduk-penduduk dapat dipertingkatkan. Bagi projek ini sebanyak \$62 juta telah diperuntukkan.

Peruntukan bagi Butiran selainnya di bawah Maksud P8 adalah kecil jumlahnya dan ada disenaraikan dengan lengkapnya dalam dokumen Belanjawan Persekutuan, 1980 yang dibentangkan di Dewan ini.

MAKSUD P 9—JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Peruntukan Pembangunan sebanyak \$11 juta adalah untuk membina 3 buah kampus Wilayah dan sebuah kampus utama di Kuala Lumpur sebagai pusat latihan bagi pegawai dan kakitangan Kerajaan.

MAKSUD P 10—JABATAN KEHAKIMAN

Sebanyak \$12,600,000 adalah dikehendaki untuk membiayai pembinaan Mahkamah-mahkamah di seluruh Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya usulkan supaya Anggaran Belanja Mengurus Tahun 1980 di bawah Maksud-maksud B1, B2, B3, B4, B5, B6, B7, B8, B9, B10, B11, B12, B13 dan B14 diluluskan dan dijadikan sebahagian daripada Jadual dan Anggaran Pembangunan di bawah Maksud-maksud P8, P9 dan P10 diluluskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang Maksud Bekalan B. 1 hingga B. 14 dan maksud Pembangunan P.8, P. 9 dan P. 10 di bawah Jabatan Perdana Menteri sekarang saya kemukakan untuk perbincangan. Sebelum saya menjemput Ahli Yang Berhormat, saya suka mengingatkan, sekarang persidangan ini dalam Jawatankuasa dan apa yang berhubung dengan dasar atau polisi bukan di sini tempatnya dan bila membahaskan tolong sebutkan butiran dan kepalanya dan di bawah maksud Belanja B berapa, kalau pembangunan P berapa, supaya jelas dapat diikuti perbincangannya. Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tumpat.

3.44 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 8—Jabatan Perdana Menteri, Butiran 1100, Aktiviti (1) —Pentadbiran, muka surat 55.

Pertama saya ingin menyentuh mengenai perlaksanaan Bahasa Kebangsaan di dalam urusan Kerajaan yang mana satu daripada matlamat kita ialah menyatukan penduduk-penduduk dengan satu tujuan dengan menggunakan satu bahasa iaitu Bahasa Malaysia. Dalam perlaksanaan ini, saya rasa dalam apa jua bentuk perasmian yang dilakukan oleh Menteri Kabinet adalah lebih wajar menggunakan sepenuhnya Bahasa Malaysia, kecuali dalam pembukaan rasmi persidangan antarabangsa.

Pada pendapat saya tolak ansur menggunakan lain daripada Bahasa Malaysia adalah tidak wajar. Jika sekiranya kita betul-betul hendak memupuk perpaduan nasional maka penggunaan bahasa nasional ini hendaklah dilaksanakan dengan sepenuhnya, dan apa jua bentuk perasmian, pertandingan yang diadakan dalam negeri ini. Dengan jalan ini, baharulah kedaulatan terjamin.

Di bawah Aktiviti (1)—Pentadbiran, muka surat yang sama, saya ingin menyentuh mengenai lawatan Sambil Belajar. Satu perkara yang harus diberi pujian ialah Lawatan Sambil Belajar dengan memberi banyak manfaat kepada ahli-ahli. Ia bukan sahaja menambahkan pengetahuan tetapi juga dapat dipelajari sistem perundangan di tiap-tiap negeri yang dilawati dan ini dari segi negeri yang membangun adalah memberi guna yang besar. Saya rasa Lawatan Sambil Belajar hendaklah diperbanyakkan lagi dari setahun ke setahun supaya semua ahli-ahli dapat diberi peluang mengikuti lawatan ini.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Maksud B. 8, Butiran 4100, Aktiviti (12)—Lembaga Urusan dan Tabung Haji, muka surat 62. Saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan mengenai penghantaran Pegawai-pegawai Kebajikan mengikuti rombongan jemaah haji ke Mekah.

Kita menjunjung tinggi peranan yang dimainkan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi menghantar jemaah haji ke tanah suci. Saya berpendapat bahawa adalah lebih berfaedah menghantar lebih banyak doktor dan jururawat-jururawat ke Mekah dari menghantar Pegawai-pegawai Kebajikan. Ini lebih menguntungkan jemaah Haji untuk mendapatkan rawatan yang lebih sempurna.

Tuan Pengerusi, oleh kerana Kuala Lumpur ini sebok dengan pbanjiran manusia dari dalam dan luar negeri, sebok dengan conference, seminar, sukan dan sebagainya, saya berpendapat bahawa pengangkutan jemaah haji ini patutlah di ubah-suaikan di merata tempat dalam negeri ini, supaya orang ramai tidak tertumpu sangat di Kuala Lumpur. Saya ingin menekankan bahawa pengambilan jemaah haji boleh dilakukan di Subang, Pulau Pinang, Kota Bharu, Senai, Kota Kinabalu dan Kuching. Mungkin lapangan terbang di Kota Bharu dan Senai belum sesuai menerima kapal terbang yang besar seperti DC-10 dan Boeing 707. Namun begitu, usaha-usaha hendaklah

dijalankan supaya pembesaran lapangan terbang tersebut khususnya di Kota Bharu dapat dilakukan sedikit demi sedikit.

Saya percaya jika ada usaha-usaha dijalankan, insya Allah jemaah haji kita tidak tertumpu di Subang sahaja.

Tun Pengerusi, saya menyentuh P. 8, Butiran 19—menyediakan Kemudahan-kemudahan dan Bantuan-bantuan bagi Peniaga-peniaga Kecil, muka surat 64. Semenjak usaha-usaha ini dijalankan ternampak kepada kita bahawa telah ada kemajuan yang dicapai oleh peniaga-peniaga kecil khususnya bumiputra yang telah menunjukkan minat dalam bidang perniagaan, satu bidang yang mempunyai banyak cabaran. Dalam usaha yang begini baik, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa di mana tempat-tempat yang strategi khususnya di dalam bandar peluang-peluang istimewa hendaklah diberi kepada peniaga-peniaga bumiputra untuk menjalankan perniagaannya. Tempat-tempat letak kereta, saya rasa adalah tidak sesuai untuk digunakan jualan pada sebelah petang. Pada pendapat saya sesuatu tempat yang tetap atau khusus hendaklah dicari dan di-khususkan kepada mereka itu untuk berniaga. Ini bukan sahaja boleh menjaga kebersihan dan kesihatan tetapi juga boleh menarik orang ramai berkunjung ke situ. Dengan adanya peluang yang semacam ini, belia-belia kita akan dapat diberi peluang menciburkan diri dalam bidang perniagaan. Ini tentu sekali dapat mengurangkan pengangguran di kalangan belia-belia kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa setakat inilah sahaja pandangan saya, dan saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

3.50 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Pengerusi, walaupun maksud-maksud perbelanjaan yang tidak termasuk di dalam Kementerian-kementerian ialah Maksud-maksud Bekalan B. 1—Parlimen, B. 2—Majlis Raja-raja B. 3—Jabatan Odit, B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya, B. 5—Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, B. 6—Suruhanjaya Perkhidmatan

Keretapi dan B. 7—Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, namun peruntukan perbelanjaan yang dinyatakan itu adalah boleh dibahaskan dan dibincangkan.

Mula-mula sekali saya suka menyentuh Maksud Bekalan 1—Parlimen, muka surat 33-34, Butiran 1100—Gaji dan Upahan, 1200—Elaun dan Lain-lain Habuan Wang, 1300—Tambahkan Kos Kakitangan. Ketiga-tiga butiran ini pada tahun 1980 akan datang perbelanjaannya sebanyak \$5,163,150. Ini bermakna bertambah sebanyak \$36,050 sahaja daripada tahun ini. Ini adalah suatu tambahan yang amat sedikit jika dibanding kepada lain-lain bekalan apatah lagi jika dibanding dengan bahagian-bahagian Kementerian.

Sebagaimana maklum, Tuan Pengerusi, jika mengingat kepada tujuan Parlimen, Parlimen ialah sebagai simbol demokrasi, Parlimen menjamin keutuhan demokrasi berparlimen di Malaysia menerusi perbahasan dan kelulusan undang-undang untuk kebahagiaan, kesejahteraan, kesempurnaan serta kebebasan rakyat dan negara maka sudah tentu kegiatan-kegiatannya kian bertambah dan sesuai dengan bertambahnya kegiatan-kegiatan itu pertambahan peruntukan perbelanjaan yang agak besar juga perlulah diwujudkan.

Tuan Pengerusi, saya memuji bahawa pihak Perkhidmatan Parlimen adalah suatu perkhidmatan yang cekap, ia cekap mengendalikan dan membuat persiapan yang perlu bagi mesyuarat-mesyuarat kedua-dua Majlis Parlimen, Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Parlimen. Aktiviti ini terlibat mengurus percetakan Rang Undang-undang, Pertanyaan-pertanyaan Bertulis, Pertanyaan Lisan, Laporan Usul-usul Kerajaan dan Usul-usul Bersendirian. Ia juga termasuk menyediakan Aturan Urusan Mesyuarat, mengeluarkan dengan serta-merta selepas tiap-tiap mesyuarat Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat dan Laporan kata demi kata (Penyata Rasmi Parlimen) perjalanan mesyuarat iaitu selepas Ahli-ahli membetulkannya selepas pemeriksaan dengan cara perakam suara dan disunting, dicetak dan dijilid di dalam bentuk yang kekal dan berbagai-bagai lagi, termasuklah mentadbir sebuah perpustakaan yang besar untuk Ahli-ahli Parlimen, membayar gaji dan elaun kepada kakitangan tetap dan sementara di Parlimen dan juga

bertindak sebagai Urusetia bagi kumpulan negara Malaysia kepada sebuah badan Parlimen antarabangsa dan sebagainya.

Tetapi, Tuan Pengerusi, pada akhir-akhir ini jentera perkhidmatan Parlimen telah beransur lemah sedikit memandangkan beberapa faktor seperti:

- (1) Persiapan Aturan Urusan Mesyuarat,
- (2) Persiapan Penyata Rasmi Parlimen (Hansard).
- (3) Persiapan Undi-undi dan Perjalanan Mesyuarat.

Perkara ini, Tuan Pengerusi, ada hubungan dengan jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri semasa menjawab soalan saya jika tidak silap pada 26hb Oktober di Dewan ini.

Tuan Pengerusi, saya meminta izin mengulang sebahagian daripada jawapannya. Akhir sekali jawapannya itu ialah: "Laporan itu sudahpun disiapkan untuk dikaji oleh jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen".

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, perkara ini adalah penting dan saya percaya bahawa Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen mungkin telahpun mengkaji laporan yang dibuat oleh satu badan bebas Kerajaan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan bahawa syor-syor ataupun perakuan-perakuan yang dibuat oleh badan bebas Kerajaan itu hendaklah diterima dan dilaksanakan segera dengan persetujuan dari Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan. Ini sebagai langkah yang pertama.

Kedua, jika ada lagi mana-mana kakitangan yang difikirkan perlu untuk dipertimbangkan, bolehlah dimajukan sebagai langkah yang kedua, sekiranya Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen memikirkan perlu untuk kelicinan Pentadbiran Perkhidmatan Parlimen. Saya berpendapat bahawa mungkin bilangan kakitangan terlibat hanya kurang daripada satu pertiga (1/3) daripada jumlah semua pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen yang seramai lebih-kurang 150 orang semuanya.

Tuan Pengerusi, saya percaya sekiranya cadangan saya ini diterima maka jentera Perkhidmatan Parlimen akan pulih seperti sedia kala.

Ada pun menyentuh time off, saya kira adalah tidak praktikal, kerana mereka yang terlibat perlu diberi sedikit bayaran elaun. Saya tidak nampak mengapa perkara bayaran elaun yang begitu kecil tidak dapat dilaksanakan. Saya juga faham bahawa sejak "Operasi Isi Penuh" ini dijalankan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sendiri iaitu Bahagian yang terlibat juga dibayar elaun; Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Istiadat dan juga Jabatan Income Tax dan Kastam dibayar elaun berdasarkan kepada kerja masing-masing yang terlibat sahaja.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Saya akan menumpukan perbincangan saya di dalam perkara Pendaftaran Daftar Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih dan di samping itu saya akan menyentuh juga di dalam masalah pentadbiran. Untuk menyenangkan perbincangan, Tuan Pengerusi, izinkan saya merangkumi semua butiran-butiran 1100, 1200, 1300, 2100, 2200, 2300 dan seterusnya dalam bahagian Pendaftaran Daftar Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih, Ceraian 2.

Tuan Pengerusi, saya adalah seorang daripada beberapa orang Ahli di dalam Dewan ini yang berminat dan sentiasa mengingatkan Kerajaan dalam mesyuarat demi mesyuarat Dewan ini mengenai Pendaftaran Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih.

Kita semua faham bahawa tujuan badan ini diwujudkan ialah kerana menegakkan sistem pemerintah secara demokrasi dengan memastikan bahawa Pilihanraya Umum dan Pilihanraya-pilihanraya Kecil diadakan pada masa-masa yang tertentu dan setiap rakyat yang berkelayakan dapatlah peluang untuk mendaftarkan diri sebagai pengundi dan terus menggunakan hak mengundi itu.

Apa yang dilaporkan oleh Kerajaan, pada tahun 1978 lebih daripada 250,000 permohonan diterima terdiri daripada mereka yang ingin mendaftar sebagai pemilih baru dan yang memohon untuk bertukar alamat. Bagi tahun 1979 dianggar 300,000 orang dan seterusnya pada tahun 1980 dianggarkan sebanyak 400,000 orang.

Saya mengambil kesempatan memuji pihak Suruhanjaya Pilihanraya kerana mengeluarkan arahan khususnya pada tahun ini untuk memberi panduan yang jelas kepada Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran tentang tugas-tugas dan tanggungjawab

mereka semasa menjalankan kerja-kerja pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih dari mula sampai tamat tempoh pendaftarannya.

Tuan Pengerusi, pihak Suruhanjaya telah menarik perhatian Penolong Pegawai Pendaftaran kepada hakikat bahawa walaupun mereka dilantik bagi tempoh yang singkat iaitu selama tempoh Pendaftaran Pemilih diadakan lazimnya 42 hari dan untuk tahun ini ialah bermula dari 4hb Oktober sehingga 14hb November, Ertinya masih ada lagi satu hari. Namun bagi tempoh tersebut mereka adalah kakitangan Suruhanjaya Pilihanraya dan oleh itu mereka hendaklah sentiasa menjaga nama baik Suruhanjaya Pilihanraya dengan berkelakuan dan bersikap sopan-santun kepada orang ramai dan menjalankan tugas-tugas mereka dengan dedikasi tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, nampaknya pihak Pegawai Pendaftaran, khususnya pihak yang bertanggungjawab di daerah, khususnya Daerah Bachok kurang memberi perhatian kepada arahan-arahan yang dikemukakan kepada Penolong-penolong Pegawai Pendaftaran itu dengan menitikberatkan sifat-sifat peribadi seseorang Penolong Pegawai Pendaftaran itu. Ini boleh dibuktikan bahawa setengah-setengah Penolong Pegawai Pendaftaran yang dilantik di Bachok jauh dari sifat-sifat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya Pilihanraya itu. Yang demikian maka terdapatlah beberapa perkara-perkara yang tidak diingini seperti tidak tepat menghadiri masa yang ditetapkan kepadanya di tempat-tempat pendaftaran, kadang-kadang langsung tidak ada di tempat pendaftaran dan menukar tempat pendaftaran ataupun menukar masanya dengan sendiri tanpa diketahui oleh sesiapa, kadang-kadang langsung tidak ada di tempat pendaftaran pada masa pendaftaran, ketika orang ramai datang hendak mendaftar, lambat mendapat bekalan Borang A sehingga setengah Wakil Rakyat terpaksa berhubung sendiri dengan pihak-pihak yang tertentu untuk kegunaan orang ramai apabila sahaja bekalan borang-borang itu habis.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Pegawai Penolong Pendaftaran hendaklah berada di tempat pendaftaran dengan tidak dapat tidak, tidaklah boleh mengubah masa pendaftarannya yang telah ditetapkan semata-mata untuk kesenangannya. Pegawai Penolong Pendaftar hendaklah membekalkan Borang A kepada

sesiapa yang mohonnya sebelum memberikan borang itu hendaklah menanyakan nama dan nombor kad pengenalan si pemohon dan menyemak dari daftar pemilihan yang ada padanya sama ada si pemohon sudah sedia berdaftar. Sekiranya nama si pemohon ada dalam daftar, Pegawai Penolong Pendaftaran hendaklah memberitahu akan hakikat itu supaya si pemohon tidak membuat pendaftaran dua kali. Sekiranya nama pemohon tidak dijumpai Pegawai Penolong Pendaftaran hendaklah memberikan Borang A kepadanya setelah beliau mencatatkan nombor kad pengenalannya yang berkenaan di sebelah atas nombor siri Borang A itu.

Tuan Pengerusi, Pegawai Penolong Pendaftaran juga boleh membekalkan kepada si pemohon untuk kegunaan orang lain seperti isteri atau sahabatnya dengan syarat si pemohon dapat memberitahu nombor kad pengenalan mereka. Seboleh-bolehnya Borang A diisi sendiri oleh pemohon-pemohon tetapi jika perlu Pegawai Penolong Pendaftaran bolehlah membantu pemohon-pemohon yang memerlukan bantuan dan panduan. Itu ialah di antara perkara-perkara mengenai pendaftaran pemilihan.

Satu lagi ialah perkara perjalanan pilihanraya. Banyak pantang larang sebenarnya dikenakan dalam sesuatu pilihanraya, antaranya ia-lah perbelanjaan seseorang calon di dalam sesuatu pilihanraya itu dihadkan. Ini bertujuan supaya tujuan dan hasrat pilihanraya akan dapat berjalan dengan baik tanpa dikenakan sebarang tekanan, apatah lagi untuk mengelakkan daripada sebarang rasuah.

Kedua, saya ingin bertanya kepada pihak Setiausaha Parlimen berkenaan atau pihak yang bertanggungjawab, mengenai pilihanraya kecil Parlimen Pelabuhan Kelang yang akan diadakan tidak berapa lama lagi itu, sama ada borang penamaan calon itu diadakan dalam bentuk yang lama ataupun bentuk yang baru, diubah kepada satu borang yang lebih senang tidak mengelirukan sepertimana yang telah berlaku di waktu-waktu yang lalu?

Akhir sekali, saya suka mengesyorkan kepada Dewan ini supaya tempat mengundi hendaklah diubah bagi menyenangkan pengundi-pengundi. Umpamanya, di kawasan saya, saya dapati beberapa buah tempat mengundi yang terpaksa didatangi oleh pengundi-pengundi dari jauh, sedangkan pusat membuang undi yang lebih dekat masih ada. Contohnya, pengundi-pengundi dari Kam-

pung Takang diarah pergi membuang undi di Sekolah Kebangsaan Pauh Sembilan yang jaraknya 3 batu sedangkan pusat mengundi di Telok Mesira yang jauhnya $\frac{3}{4}$ batu masih ada. Kedua-dua pusat ini berada di dalam suatu kawasan pilihanraya Dewan Negeri (Tawang).

Kemudian satu contoh lagi di kawasan saya juga bernama Beris Lalang. Beris Lalang adalah satu kawasan rancangan tanah yang terdiri daripada kira-kira 300 orang peneroka. Mereka juga diarahkan supaya pergi membuang undi sejauh kira-kira $3\frac{1}{2}$ batu dengan berjalan kaki dan 10 batu mengikut perjalanan motokar sedangkan di kawasan itu sendiri boleh ditempatkan sebagai suatu tempat mengundi dan buku daftar pengundi pun sudah diasingkan khusus bagi kawasan yang tersebut.

Saya kira itulah beberapa perkara yang patut saya sebut dalam Dewan ini dalam masa membahaskan perbelanjaan peringkat jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.05 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam Maksud B. 1—Parlimen.

Nampaknya Parlimen telah menerima pertambahan sebanyak \$872,800 bagi tahun hadapan tetapi malangnya tidak pun ada peruntukan pembangunannya. Jadi saya tidak tahu sama ada pertambahan sebanyak \$872,800 ini boleh digunakan untuk pembangunan kecil bagi memperelokkan kemudahan-kemudahan atau Bangunan Parlimen ini. Kalau tidak, sepatutnya satu peruntukan pembangunan patut diadakan bagi rancangan pembangunannya supaya bangunan Parlimen ini dapat dilihat lebih cantik dan lebih indah terutamanya dari segi pagar yang ada di sekeliling kawasan Parlimen ini, kerana dengan keindahan bangunan yang ada ini, dengan kecantikannya, tetapi kalau pagar itu tidak cantik dan tidak elok maka menjadikan bangunan ini tidak begitu menarik, lebih lagi pagar yang kukuh dan tahan untuk menahan apa-apa rusuhan sekiranya berlaku.

Selain daripada itu juga, saya cadangkan di Bangunan Parlimen ini mengadakan beberapa kemudahan ataupun tempat-tempat permainan, tempat-tempat rihat atau tempat-tempat yang boleh digunakan oleh Ahli-ahli

Parlimen juga oleh pekerja di Parlimen ini supaya kemudahan itu dapat memberikan kesenangan, terutama dari jenis permainan yang boleh digunakan semasa Parlimen ini bersidang.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh kepada B. 10 dan P. 10 iaitu aktiviti (1)—Pentadbiran Am dan Mahkamah Persekutuan dalam Jabatan Kehakiman. Saya akan menyentuh soal pelaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah.

Saya menyokong penuh Jabatan Kehakiman B. 10 yang berjumlah sebanyak \$17,450,800 dengan pertambahan sebanyak \$1,659,500 dan begitu juga Maksud P. 10 sebanyak \$12,600,000 iaitu kelebihan sebanyak \$9,101,950 dengan pertambahan peruntukan itu Kerajaan berharap jabatan itu akan dapat menjalankan dan melaksanakan pentadbiran keadilan mengikut kuasa-kuasa kehakiman yang diletakkan hak oleh Perlembagaan dan mana-mana Akta Mahkamah yang diperuntukkannya.

Di dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152 (4) dengan terang-terang menjelaskan kepada kita tentang kedudukan dan pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam sistem perundangan negara. Dengan itu tidak siapa pun dapat menafikan dan menidakkan hak-hak dan dasar Kerajaan yang berhasrat untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan di dalam negara ini.

Tuan Pengerusi, walau dari kapasiti apa sekali pun suara itu keluar atau pendapat dari siapa pun suara itu diluahkan kepada kita yang mempunyai pendapat lain daripada hasrat dan dasar Kerajaan, adalah mesti ditentang dan tidak boleh dibenarkan bermaharajalela dengan sesuka hatinya. Oleh itu saya berseru kepada Kerajaan mesti bertindak tegas dan tidak akan bertolak ansur lagi dalam pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan dan bahasa mahkamah di negara ini. Kesungguhannya serta kejujuran Kerajaan sahajalah segala dasar dan cita-cita Kerajaan akan dapat berhasil. Sekarang sudahlah sampai masanya Kerajaan bertindak segera tanpa bertolak ansur lagi kerana keraguan Kerajaan memenuhi dan menunaikan dasarnya adalah dengan terang-terang menggambarkan kepada kita kelemahan dan ketidakupayaan sebuah Kerajaan itu. Sesudah 12 tahun kita merdeka Akta Bahasa Kebangsaan 1967 telah diwujudkan dengan hasrat suci dan luhur Kerajaan untuk melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan

tetapi di saat ini masih timbul lagi suara-suara sumbang yang cuba menghalang dan melemahkan pelaksanaannya.

Tuan Pengerusi, selama ini kita tidak tahu sejauh manakah atau setakat manakah pelaksanaannya telah dapat diwujudkan tetapi dengan pendapat dan kenyataan yang dikeluarkan oleh orang yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaannya itu, dengan terang-terang menyatakan kepada kita yang mereka itu tidak berhasrat langsung untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan. Bukan tidak berhasrat sahaja tetapi tidak mempunyai keyakinan sedikit pun tentang kemampuan Bahasa Malaysia dijadikan bahasa perundangan dalam negara ini. Inilah yang menyedihkan dan mengesalkan kita sebagai rakyat yang berbahasa Malaysia. Tidak ada orang yang paling hina di dalam dunia ini apabila seseorang itu merendahkan dan tidak mempunyai keyakinan terhadap kemampuan bahasanya sendiri.

Tuan Pengerusi, Kerajaan telah berjaya melaksanakan penggunaan Bahasa Malaysia secara berperingkat-peringkat dalam bidang persekolahan dan juga Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain. Pada tahun 1983 nanti pelaksanaannya akan sampai ke peringkat universiti. Dengan ini terbukti kemampuan Bahasa Malaysia menjadi bahasa akademik sebagai yang ada pada hari ini. Adalah satu kejayaan yang tidak pernah diduga pada satu masa dahulu tetapi kini tidak siapa dapat menafikan lagi; bukan sahaja dalam penggunaan akademik biasa tetapi juga dalam bidang sains dan teknologi.

Tuan Pengerusi, tidak ada satu bahasa pun di dalam dunia ini lahir dalam bentuk yang lengkap dan sempurna baik bahasa Inggeris mahupun bahasa Perancis yang mempunyai makna-makna yang tepat dan penggunaan yang meluas selagi kita sendiri tidak mengguna dan mengembangkan penggunaannya ke bidang-bidang yang tertentu secara beransur-ansur yang mengandungi kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya terhadap bahasa itu.

Tuan Pengerusi, oleh itu bagi menjayakan pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan dalam negara ini dan penggunaannya di mahkamah, saya mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam mahkamah dan perundangan negara yang akan menjalankan usahanya secara berperingkat-peringkat sehingga mencapai ke

tahun matlamat penggunaan sepenuhnya sebagaimana Kerajaan laksanakan di dalam bidang persekolahan dan penggunaan bahasa di Jabatan-jabatan Kerajaan. Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi orang-orang yang mempunyai kebolehan di dalam bidang kehakiman dan juga orang yang mempunyai kepercayaan dan keyakinan sepenuhnya terhadap kemampuan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perundangan negara, serta Jawatankuasa ini akan menyediakan jadual-jadual atau susunan langkah-langkah perlaksanaannya yang bukan sahaja dapat memudahkan pelaksanaannya tetapi juga dapat mengukur sejauh manakah atau setakat manakah kejayaan yang telah dicapai daripada masa ke semasa. Sebarang penyelewengan dan halangan yang timbul akan dapat dikesan dan dihapuskan dengan segera.

Tuan Pengerusi, Jawatankuasa ini juga akan bertanggungjawab melihat sejauh manakah usaha Jabatan Kehakiman melaksanakan terjemahan undang-undang dan penggunaannya di mahkamah-mahkamah yang akan menolong Jawatankuasa ini ke arah yang lebih baik dan lebih berkesan lagi. Kita tidak mahu satu dasar yang menjadi hasrat Kerajaan kita akan terbengkalai dengan begitu sahaja oleh sifat-sifat negatif orang yang bertanggungjawab melaksanakannya.

Kita tahu Bahasa Malaysia tidak selengkap bahasa-bahasa lain dalam perundangan tetapi bilakah akan lengkapnya kalau kita tidak ada mempunyai usaha atau daya ke arah memperengkapkannya. Oleh itu sebagai peringkat awal kejayaan itu, penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain boleh digunakan dalam perundangan atau perbicaraan mahkamah dengan syarat memohon dan mendapat izin daripada Hakim yang menjalankan perbicaraan itu, sebagai kejayaan pelaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa perbahasan perundangan yang ada di Dewan Rakyat yang mulai ini.

Oleh itu sekali lagi saya berseru bahawa tindakan tegas tanpa takut-takut hendaklah ditunjukkan oleh pihak Kerajaan. Kita tidak perlu mendengar apa orang lain kata tetapi kita mahu tunjukkan kemampuan kita melaksanakannya dan kemampuan bahasa kita berada di tempat yang sewajarnya dalam perundangan negara ini. Kita sedar pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam perundangan negara tidak begitu mudah dan sesenang yang dilakukan di bidang persekolahan dan penggunaan di Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain tetapi sekiranya ada usaha dan kemahuan

dengan penuh keyakinan disertai dengan hasrat yang tinggi, saya rasa tidak ada perkara yang menjadi mustahil di dalam dunia ini dan pelaksanaan Bahasa Malaysia dalam perundangan adalah satu perkara yang kecil kalau dibandingkan dengan perkara-perkara lain yang lebih besar, yang lebih complicated lagi tetapi telah berjaya oleh negara kita, juga oleh negara-negara lain.

Pendek kata, sesuatu perkara itu sekiranya hendak seribu daya, sekiranya tidak hendak akan menjadi seribu dalih. Sikap negatif oleh pihak kehakiman untuk pelaksanaan itu hendaklah dikikis dan saya berharap bertindak mereka tidak akan bertentangan dengan hasrat dan dasar Kerajaan yang telah dibentuk dan termaktub di dalam Perlembagaan dan juga Akta Bahasa Kebangsaan.

Oleh itu, saya menyokong peruntukan yang diutuskan kepada Jabatan Kehakiman ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Arau.

4.19 ptg.

Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau): Tuan Pengerusi, di dalam membahaskan di peringkat Jawatankuasa Anggaran Belanjawan bagi Jabatan Perdana Menteri, saya ingin menyentuh B. 8 Butiran 1100, Aktiviti (5) Pentadbiran Ugama Islam.

Penambahan bilangan pegawai-pegawai di dalam sesuatu jabatan adalah satu tindakan yang patut diberi pujian. Apa yang menarik perhatian saya ialah kegiatan yang dijalankan bagi menjayakan tujuan-tujuan penubuhan Pentadbiran Ugama di Jabatan Perdana Menteri pada pendapat saya patut diseluruhkan. Antaranya Cawangan Pentadbiran Bahagian Penyelidikan, apa yang saya dapati di dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi, muka surat 117 yang bertujuan untuk mengkaji dan menyelidik bagi mengatasi masalah-masalah semasa yang dihadapi oleh masyarakat Islam. Pada pendapat saya setakat itu tidaklah keseluruhannya yang patut dijalankan kerana Bahagian Penyelidikan ini patut juga diperluaskan bagi menyelidik kesan-kesan sejarah Islam supaya dapat menggerak perasaan dan mengukuhkan keyakinan, bermegah dengannya dan mengikis perasaan yang mengecil-gecilkan semata-mata kerana kejahatan mereka.

Sebagai contoh pendapat yang mengatakan Undang-undang Islam telah ditinggalkan zaman. Pendapat ini terbit ialah disebabkan kejahilan orang-orang itu sendiri. Maka patutlah Bahagian Penyelidikan membongkar sejarah Islam bagi mengetahui akan kesempurnaan dan kesanggupan undang-undang itu dilaksanakan di negara ini. Caranya ialah bagi menggerakkan hati mereka yang ingin mengetahui akan selok belok Ugam Islam dengan membuat penyelidikan-penyelidikan sejarah dan didedahkan kepada pengetahuan ramai. Saya cadangkan di dalam masalah ini jika dapat, menasabah dengan kita akan menyambut kurun yang ke 15 Hijrah, sebuah muzium bagi mengisi sejarah Islam patut ditubuhkan di negara kita ini.

Menyentuh di dalam perkara itu juga kita dapati banyak suara-suara sumbang telah kedengaran mengatakan undang-undang Islam telah ketinggalan zaman. Di dalam perkara ini kalau sekiranya kita dapat memberi keyakinan kepada yang sedemikian maka saya percaya sudah tentu suara-suara itu tidak akan didengar. Maka dengan itu saya mencadangkan Bahagian Penyelidikan mengadakan pengkajian dengan mengumpulkan ulamak-ulamak dan pakar-pakar undang-undang, adat dan ugama yang betul-betul mengetahui berkenaan dengan undang-undang Islam ini dan mengkaji undang-undang itu serta mendedahkan kebenarannya dan kesempurnaanannya supaya dapat diketahui oleh mereka yang tidak mengetahui tetapi ingin bercakap di dalam soal itu.

Menyentuh butiran yang sama, aktiviti (3) Penyelarasan Pelaksanaan, saya ingin menarik perhatian Jabatan Perdana Menteri tentang kekurangan pegawai-pegawai di Pejabat Kemajuan Negeri khususnya di negeri saya Perlis, kerana dengan tugas-tugas yang banyak yang mesti dilaksanakan oleh Pegawai-pegawai Kemajuan Negeri dan peruntukan yang berbagai-bagai dalam rancangan yang bertimbun-timbun menjadikan pelaksanaan kurang berkesan. Oleh yang demikian, saya menarik perhatian supaya pegawai-pegawai patutlah ditambah di dalam Pejabat Kemajuan Negeri.

Di dalam usaha meningkatkan pendapatan kumpulan-kumpulan miskin di luar-luar bandar, rancangan pemulihan kampung yang baharu sahaja dilancarkan adalah satu rancangan yang boleh memberi kesan kepada perubahan kedudukan kemiskinan di kampung-kampung. Begitu juga rancangan AMP

(Amalan Makanan dan Pemakanan) saya berharap kedua-dua rancangan ini yang pertama patutlah ditambahkan peruntukannya kerana dengan peruntukan yang sedikit dan kumpulan kampung-kampung yang bertaraf "C" terlampau banyak menyebabkan kesulitan berlaku di dalam masalah ini. Begitu juga berhubung dengan rancangan Amalan Makanan dan Pemakanan patutlah rancangan ini disalurkan kepada semua kampung yang bertaraf "C". Begitu juga berhubung dengan pentarafan kampung-kampung itu, pada pendapat saya patut dikaji semula kerana di dalam perhatian saya ada kampung-kampung yang sepatutnya diletakkan di bawah taraf "C" telah menjadi taraf "A" begitu juga sebaliknya. Sebabnya di dalam masa memenuhkan borang-borang di waktu itu mereka yang ditugaskan untuk memenuhkan borang-borang itu tidak begitu faham akan kedudukan menyebabkan maklumat-maklumat yang diberi itu telah mengubah kedudukan pentarafan kepada kampung-kampung itu.

Menyentuh dalam Butiran 2600—Perkhidmatan Pencetakan, Risalah-risalah yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama sangat-sangatlah mendapat sambutan masyarakat dan patutlah diperkembang dan ditambahkan lagi. Selain daripada pengeluaran-pengeluaran itu, kitab-kitab yang boleh menjadi rujukan sangat sedikit ada di dalam Bahasa Kebangsaan dan kitab-kitab ini terhadap pasarannya menyebabkan kegiatan bagi mengeluarkan kitab-kitab ini kurang mendapat sambutan daripada mereka yang berkebolehan untuk menulis, mengarang kitab-kitab itu. Oleh yang demikian patutlah Jabatan Perdana Menteri memberi subsidi kepada penerbit-penerbit kitab-kitab sedemikian dan mengadakan hadiah-hadiah kepada pengarang-pengarang serta mengeluarkan kitab-kitab itu dengan bentuk yang menarik.

Di dalam Butiran 4100, Aktiviti 12, Lembaga Urusan dan Tabung Haji siapapun tidak dapat menafikan Lembaga ini telah banyak memberi kebajikan kepada bakal-bakal haji dalam menunaikan Rukun Islam yang Kelima, tetapi masih boleh dipersoalkan tentang pencapaian matlamat dan tujuan Lembaga ini ditubuhkan terutama untuk memudahkan orang-orang Islam menunaikan fardhu haji dan keduanya menggalakkan mereka membuat simpanan secara beransur-ansur. Di dalam soal kedua, banyak lagi rakyat Malaysia yang ingin menunaikan fardhu haji tidak

menyimpan secara beransur-ansur tetapi ditaruh sekali gus manakala mereka hendak ke Mekah dan dalam soal pertama banyak kemudahan-kemudahan telah diberi.

Saya mendapat sungutan daripada banyak jumaah Haji mengatakan Lembaga Urusan dan Tabung Haji lebih mengutamakan kebajikan orang-orang haji dan pelaburan yang menguntungkan daripada memikirkan kesempurnaan kerja-kerja menunaikan fardhu haji dari segi hukum. Mereka sering bertanya apakah hukum seorang bakal haji masuk ke Mekah dalam musim haji, kemudian keluar ke Madinah kerana menziarah dan kemudian balik semula ke Mekah kerana menunaikan fardhu haji. Satu lagi, seorang bakal haji yang telah melintasi Miqat, kemudian keluar ke Madinah kerana ziarah dengan tidak mengerjakan fardhu umrah, sesudah itu ke Mekah pula untuk menunaikan fardhu haji. Kedua-dua persoalan ini dari segi hukum telah melakukan perkara yang tidak betul. Tidakkah Lembaga Urusan dan Tabung Haji mencari penyelesaian supaya tidak menjadi ragu-ragu kepada bakal-bakal haji kesempurnaan dari segi hukum tentang pelaburan yang menguntungkan itu adalah satu perkara yang patut dipuji tetapi tidakkah pula dapat difikirkan bagi mengurangkan perbelanjaan bakal-bakal haji terutama di segi tambang mereka ke Mekah.

Menyentuh P. 8 Butiran 8—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Tahun demi tahun pemberian ini diberi dan jalan banyak telah dilaksanakan tetapi kemudahan-kemudahan asas masih diperlukan oleh penduduk-penduduk luar bandar. Apa yang ingin saya hendak sarankan di sini ialah cara-cara perlaksanaan jalan-jalan itu patut dipertingkatkan. Biasanya jalan-jalan kampung diberi peruntukan tanah merah, di kampung-kampung nelayan jalan-jalan berjambatan kayu. Titi-titi di luar bandar diberikan titi-titi kayu. Tidakkah boleh dipertimbangkan jalan-jalan kampung kepada jalan-jalan bertar. Jalan-jalan bertiti di kampung-kampung nelayan diberikan peruntukan bagi mengadakan jalan-jalan bertembok batu dan titi-titi di luar bandar kepada titi-titi batu dan simen apatah lagi manakala sekarang ini kos menggunakan kayu telah meningkat mahal dan peruntukan-peruntukan yang dibuat dari kayu itu terpaksa diulang tahun demi tahun, manakala diadakan tahun ini pada tahun hadapan terpaksa diperbaiki. Tetapi jikalau dapat kita ubah dan dipertingkatkan kepada jambatan-

jambatan simen ataupun jalan-jalan jambatan bertembok serta jalan-jalan kampung itu kepada jalan bertar adalah lebih menguntungkan.

Di dalam Perkara P. 8, Butiran 13—Pusat Penyelidikan Ugama, peruntukan telah diberi sebanyak \$1,100,000.00. Saya rasa peruntukan ini patut ditambah bagi membolehkan sekurang-kurangnya bukan sahaja pusat itu berpusat di Kuala Lumpur tetapi dapat mengadakan pula cawangan-cawangan sekurang-kurangnya tiga cawangan di dalam Semenanjung Malaysia, iaitu di Utara, di Timur dan di Selatan. Kalau sekiranya pusat-pusat ini dapat diadakan maka kegiatan seperti mana yang saya katakan tadi dapat dilaksanakan dengan lebih berkemajuan. Dengan itu maka saya menyokong anggaran ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

4.32 ptg.

Tuan Au How Cheong (Teluk Anson): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.3—Jabatan Odit, Butiran 2100, muka surat 38, Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi, seperti Dewan ini maklum, Laporan-laporan Juruodit Negara adalah dokumen-dokumen awam. Walaupun begini, saya rasa amat hairan begitu sedikit sahaja orang termasuk pihak Pembangkang yang berminat membacanya. Mungkin ini disebabkan buku-buku laporan itu adalah terlalu tebal atau laporan-laporan itu dibentangkan terlalu lewat sehingga ianya dianggap sebagai sejarah yang tidak dapat dielak dan dibetulkan.

Tuan Pengerusi, bagi saya sendiri saya berpendapat Laporan-laporan Juruodit itu telah merakamkan peristiwa-peristiwa yang amat memalukan Kerajaan. Laporan-laporan itu meliputi pembaziran, kesalahan-kesalahan, penyelewengan-penyelewengan dan lain-lain yang menunjukkan kelemahan pentadbiran Kerajaan kita.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk beberapa peristiwa yang telah berlaku:

Pertama, oleh kerana syarat-syarat perjanjian tertentu tidak diikuti Kerajaan telah kehilangan royalti petroleum sebanyak \$8.7 juta.

Kedua, 202 kejadian kehilangan wang tunai berjumlah \$499,672.00 disebabkan oleh kecurian, penipuan ataupun salah peraturan telah dilaporkan dalam tahun 1975. Mengenai kehilangan-kehilangan . . .

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Perkara-perkara yang disebut itu datang dari mana?

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, semua kejadian ini telah dirakamkan dalam Laporan Juruodit yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada beberapa bulan lalu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap, Yang Berhormat

Tuan Au How Cheong: (*Bangun*)

Tuan Lim Kit Siang: Sila duduk apabila saya bercakap on a point of order. Ahli Yang Berhormat itu adalah salah seorang Ahli Public Accounts Committee yang dipertanggungjawabkan oleh Dewan yang mulia ini untuk membincang dan menyiasat dan mengkaji Laporan Juruodit dan kalau saya tidak silap, laporan itu pun belum diterima dan beliau telah melanggar Standing Orders Dewan ini; beliau sebagai seorang anggota PAC datang ke Dewan ini untuk memberikan apa-apa sebelum PAC membuat satu keputusan dan laporan kepada Dewan ini. Dan saya minta bahawa Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua atau Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, ambil perhatian sama ada satu pelanggaran "breach of privilege" sudah berlaku (*Tepuk*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling, ini melanggar hak Peraturan Mesyuarat yang mana?

Tuan Lim Kit Siang: Biarlah saya katakan PAC ditubuhkan oleh Parlimen ini dengan satu tugas spesifik untuk mengkaji dan membuat satu laporan kepada Dewan ini. Laporan itu belum dibuat dan seorang anggota PAC tidak patut buat apa-apa sebelum kita terima laporan itu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, boleh saya menjelaskan perkara ini? Tuan Pengerusi, apa yang saya sebutkan adalah dilaporkan dalam Laporan Juruodit dan saya tidak menyentuh perkara-perkara yang

sedang dibincangkan dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini. Saya minta izin hendak sambung.

Tuan Pengerusi: Jadi Laporan Juruodit tahun bila?

Tuan Au How Cheong: Laporan 1974 dan 1975.

Tuan Pengerusi: Tahun 1974/1975? Sudah dikeluarkan?

Tuan P. Pato: Tuan Pengerusi, mengenai Laporan Juruodit Negara tahun 1974 dan 1975, saya rasa Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) baru sudah membincang dan belum melaporkan balik ke Dewan ini oleh kerana kedua-dua laporan itu dihantar oleh Dewan ini kepada PAC untuk dikaji dan melapor balik ke Dewan. Itu satu kebiasaan dalam Parlimen. Saya rasa seorang ahli dalam PAC seperti saya mahu komen, saya rasa Ahli-ahli yang lain yang juga menjadi ahli pun mahu komen. Saya rasa itu mungkin menjadi breach of privilege oleh kerana kita memang tahu banyak hal dari dalam apabila menjadi ahli PAC.

Tuan Au How Cheong: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti dulu!

Tuan Au How Cheong: Tetapi apa yang saya katakan tadi apa yang saya bincangkan adalah perkara-perkara yang telah dibentangkan di dalam Laporan Juruodit yang telah menjadi dokumen awam.

Tuan Pengerusi: Dan telahpun dikeluarkan ataupun dibawa ke dalam Dewan?

Tuan Au How Cheong: Laporan ini boleh dibeli.

Tuan Pengerusi: Sudah dibentangkankah ataupun belum?

Tuan Au How Cheong: Sudah dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Kalau begitu nanti sekejap. Jadi, Yang Berhormat dari Telok Anson tolong terangkan balik sejas-jelasnya adakah perkara yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia pada masa ini oleh Yang Berhormat, perkara yang telahpun dilaporkan di dalam Laporan Ketua Odit Negara dan

adalah perkara itu luar daripada privileged information atau adakah perkara yang dibangkitkan di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat itu ialah general atau umum.

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, perkara yang saya sentuh itu telah dilaporkan dan boleh dijumpai dalam buku laporan ini.

Tuan Pengerusi: Baiklah, kalau begitu Yang Berhormat, perkara ini tak usah dibincangkan terus, hanya perhatian telahpun dibuat dan saya minta supaya Yang Berhormat terus jalankan, jangan lagi membawa perkara yang tidak mengikut peraturan-peraturan tertentu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, on a point of order, Standing Order 85 berbunyi:

“85. Keterangan yang diambil di hadapan sesebuah Jawatankuasa Pilihan dan apa-apa surat yang dikeluarkan kepadanya tidak boleh disiarkan oleh siapa-siapa ahli Jawatankuasa itu, atau oleh siapa-siapa jua, sebelum Jawatankuasa itu membawa penyata itu kepada Majlis.”

Dalam bahasa Inggerisnya:

“85. The evidence taken before any Select Committee and any documents presented to such Committee shall not be published by any member of such Committee, or by any other person, before the Committee has presented its Report to the House.”

Perkaranya ialah sama ada perkara yang Yang Berhormat dari Telok Anson sebutkan adalah termasuk dalam evidence yang diambil di hadapan PAC, kalau ada, ini adalah satu breach of privilege.

Tuan Pengerusi: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Au How Cheong: Untuk menjelaskan perkara ini, bolehkah saya petik dalam buku Laporan Ketua Odit Negara yang telah dibentangkan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Au How Cheong: Terima kasih. Tuan Pengerusi, seperti saya katakan tadi contoh-contoh yang boleh dilihat misalnya

dalam Laporan Ketua Odit Negara 1975, Perenggan 120, muka surat 26, antara lain menyatakan:

“Pembelian “Hollow Tubing” Berlebihan daripada Yang Diperlukan

120 Atas arahan-arahan daripada Jabatanarah Kelengkapan, 12,565 tiub berjumlah 263,865 kaki telah dikeluarkan kepada dua puluh lima yunit Angkatan Tentera dengan tujuan untuk mengurangkan kelebihan stok di Depoh Kelengkapan Pusat. Pengesahan Odit di lima buah yunit ini menunjukkan bahawa ia tidak digunakan kerana barang-barang yang bersangkutan bagi membina rak-rak itu tidak ada”

Itu sahaja salah satu daripada contoh-contoh yang dikeluarkan dalam

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, nanti dahulu! Yang Berhormat rasa saya oleh kerana ada kekeliruan dalam perkara ini (controversy), saya minta Yang Berhormat tumpukan kepada perkara yang bersabit dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan tahun 1980 sahaja—itu sahaja. Sebab namanya dalam perkara Laporan Ketua Odit Negara tadi ada sedikit perkara yang umum yang tidak difahami oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi, saya minta sambung perbincangan ini dan tumpukan kepada perkara-perkara yang berkait dalam Jabatan Perdana Menteri B. 1 sampai B. 14 dan P. 8 sampai P. 10.

Tuan Lim Kit Siang: Lagi satu point of order. Oleh kerana Yang Berhormat itu seorang Ahli Jawatankuasa PAC, adalah tidak patut dan tidak wajar beliau melanggar amalan Parlimen di mana beliau membuat ucapan mengenai perkara yang dalam pertimbangan sepertimana terdapat dalam Peraturan Mesyuarat 85, dan dengan sebab itu saya minta bahawa satu arahan dikeluarkan untuk menahannya daripada berucap dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Telok Anson, tolong teruskan ucapan berkaitan dengan perkara B. 1 sampai B. 14 dan P. 8 sampai P. 10. Sungguhpun Laporan Ketua Odit Negara sudah dibentangkan tetapi belum dibentangkan oleh PAC, oleh itu tidak usahlah Yang Berhormat sentuh lagi perkara itu.

Tuan Au How Cheong: Tuan Pengerusi, sebelum saya menyambung ucapan saya, saya ingin hendak terangkan apa yang dibincangkan dalam Jawatankuasa itu, saya tidak sebut, itu sahaja.

Tuan Pengerusi, Belanjawan kita telah menjadi lebih besar tahun demi tahun. Kerajaan terhutang kepada rakyat satu tugas atau tanggungjawab untuk meneliti bahawa wang rakyat dibelanjakan dengan wajar dan mencapai kejayaan yang penuh walaupun terdapat peraturan-peraturan tertentu untuk mengawal segala tindakan kakitangan Kerajaan dan undang-undang yang tertentu untuk menghukumkan mereka yang menyeleweng dari undang-undang tetapi nampaknya tindakan-tindakan tatatertib adalah jarang diambil, kuasa-kuasa tertentu adalah kurang digunakan. Dengan hati yang ikhlas, Tuan Pengerusi, saya ingin merayu kepada Kerajaan supaya mengambil tindakan yang tegas supaya kesalahan penyelewengan itu dapat dikawal dan diselesaikan dengan secepat mungkin.

Apa yang lebih penting ialah kita patut mempelajari sesuatu dari pengalaman-pengalaman itu dan mengelakkan kejadian-kejadian seperti itu berlaku lagi dan Kerajaan harus mengambil segala tindakan supaya rakyat tidak kehilangan keyakinan terhadap Kerajaan kita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Jabatan Juru Odit dan pegawai-pegawainya yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Kerajaan kita. Walau bagaimanapun, saya dapati bahawa jawatan Ketua Odit Negara masih dilantik di bawah Superscale A sahaja. Memandangkan ramai pegawai atau Ketua Pejabat telah dilantik atas tanggagaji yang lebih tinggi, saya ingin merayu kepada pihak yang berkenaan supaya jawatan Ketua Odit Negara itu dinaikkan ke Tingkatan Utama (Staff Appointment). Saya berharap cadangan ini dapat dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Menglembu.

4.48 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa atas peruntukan-peruntukan yang diminta diluluskan untuk Jabatan Perdana Menteri oleh Parlimen.

Tuan Pengerusi, sebanyak \$1,094,460,978 diminta diluluskan oleh Dewan ini bagi Jabatan Perdana Menteri untuk meliputi Perbelanjaan Mengurus dan juga Anggaran Pembangunan. Peruntukan ini adalah bagi Parlimen, Suruhanjaya Pilihanraya, Suruhanjaya Perkhidmatan Keretapi, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Jabatan Odit, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan lain-lain jabatan.

Saya akan sentuh B. 1 di mana Parlimen diperuntukkan sebanyak \$8,219,400 bagi maksud Perbelanjaan Mengurus.

Tuan Pengerusi, dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1980 di mana tujuan Parlimen dinyatakan dan saya petek dengan izin, Tuan Pengerusi:

TUJUAN:

Sebagai simbol demokrasi, Parlimen menjamin keutuhan demokrasi berparlimen di Malaysia menerusi perbincangan-perbincangan dan kelulusan undang-undang untuk kebahagian kebahagian kesejahteraan, kesempurnaan serta kebebasan rakyat dan negara.

Dan bagi maksud inilah bahawa amaun sebanyak \$8.22 juta ini diminta diluluskan untuk memberi berbagai perkhidmatan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, daripada jumlah \$8.22 juta ini sebanyak \$2.5 juta seperti didapati dalam Buku Anggaran Belanjawan "Program dan Prestasi", muka surat 57, sebanyak \$2.5 juta akan digunakan sebagai Perbelanjaan Mengurus bagi Pentadbiran Am Parlimen. Parlimen bukan sahaja hanya diterima sebagai simbol demokrasi tetapi ia patut dilihat dan dirasai sebagai simbol demokrasi. Parlimen sebagai Dewan Perundangan yang tertinggi di dalam negara ini hendaklah mencerminkan dalam urusan-urusannya, dalam deliberationsnya, dengan izin, supremacynya di dalam negara kita dan ia tidak boleh, tidak patut digunakan untuk serve kehendak maksud parti pemerintah untuk menggunakan Dewan ini, untuk menggunakan Parlimen supaya ia memberi legality kepada tanduk yang illegal dalam hal seperti Mahan Singh dan Teh Cheng Poh.

Tuan Pengerusi, Menteri-menteri adalah diberi keistimewaan (privilege) yang special apabila menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen, baik back-benchers pihak Kerajaan mahupun Pembangkang dan mereka berbuat apabila mereka suka berbuat, mereka berbuat menjawab soalan. Saya boleh beri beberapa contoh kemudian. Memang dipersetujui bahawa Menteri-menteri mungkin ada tugas-tugas, tanggungjawab-tanggungjawab lain selain daripada menghadiri Mesyuarat Parlimen dan menjawab soalan-soalan yang penting yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Parlimen. Saya setuju memang ada hal-hal yang lebih penting tetapi dalam keadaan begitu sepatutnya Menteri-menteri yang berkenaan boleh mengarahkan Timbalan Menteri ataupun Setiausaha-setiausaha Parlimen untuk menjawab bagi pihak Kementeriannya, tetapi malangnya kita dapat tahu bahawa ada kala soalan-soalan yang telah ditetapkan bagi satu tarikh telah dibawa ke hadapan oleh kerana Menteri itu hendakkan soalan itu dibawa ke hadapan. Baik kita lihat bagaimanakah keadaan seorang Ahli Parlimen biasa, bukan Menteri atau Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Rakan saya pernah mengirim surat meminta supaya soalnya dibawa ke hadapan dan memberi sebab-sebabnya tetapi ditolak oleh kerana Menteri kata tidak boleh.

Tuan Pengerusi, saya rasa privilege ini janganlah ditafsirkan sebagai hak seperti Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selalu berkata dalam Dewan ini hak dan privilege itu berbeza dan saya harap beliau boleh faham perbezaan itu, hak dan privilege. Saya berharap Parlimen di bawah tanggungjawab Setiausaha Parlimen tidak akan digunakan oleh mana-mana pihak untuk mencapai kehendak, niat mereka sendiri. Itulah saya minta. Sekiranya Menteri mahu juga soalan itu dibawa ke depan tanpa mengira dan mahu jawab—biar, tetapi kalau Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimennya dirasai oleh Menteri itu tidak layak lagi menjawab apa guna simpan lagi, apa guna simpan Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, kalau Menteri itu merasai bahawa Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen tidak competent mahu jawab soalan dan oleh kerana incompetency itu maka terpaksa Menteri itu bawa ke hadapan soalan yang patut dijawab oleh beliau. Saya harap pihak Parlimen boleh mengambil perhatian dalam soal privilege tentang soalan-soalan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara tentang Pentadbiran Am (General Administration). Setiausaha Dewan (Clerk of the House) meminta semua Ahli Parlimen menghantar soalan, 20 soalan untuk jawapan lisan dan 5 untuk jawapan bertulis, sebahagian besar daripada Ahli-ahli Parlimen menghantar, back-benchers Kerajaan serta Pembangkang. Apa yang pelik sekali ialah soalan-soalan yang dihantar untuk mendapat jawapan bertulis pada sesi Budget yang lalu (tahun 1978), jawapannya hanya diterima pada Budget kali ini—setahun, Tuan Pengerusi. Saya tidak tahu apakah sebabnya. Soalan itu ditanya bukan untuk menunggu setahun mendapat jawapan, soalan itu ditanya dengan satu maksud untuk mendapat maklumat tertentu, bukan untuk menunggu setahun, dua tahun baru mendapat jawapan. Kalau begitu, Tuan Pengerusi, dengan izin, it defeats the purpose of asking questions in Parliament.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mendapat tahu adakah kelambatan ini oleh kerana pentadbiran Parlimen ataupun kelambatan ini oleh kerana Menteri-menteri tidak cekap untuk memberi jawapan, saya ingin tahu, saya tidak tahu, rakan-rakan saya pun tidak tahu keadaan ini. Adakah Menteri-menteri itu enggan memberi jawapan itu secara bertulis kepada pihak Parlimen supaya jawapan-jawapan itu dapat diedar, bukan sahaja kepada Ahli Parlimen yang berkenaan yang bertanya soalan itu tetapi kepada semua Ahli Parlimen akan jawapan itu? Adakah pihak Menteri itu enggan memberi jawapan itu kepada pihak Parlimen ataupun adakah Setiausaha Parlimen sendiri gagal untuk mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan itu sebelum mesyuarat (meeting) itu tamat ataupun adakah Menteri-menteri rasa bahawa itu adalah hak mereka, hak mereka untuk jawab atau tidak mahu jawab dan bila mahu jawab, saya ingin tahu oleh kerana ini satu persoalan yang penting hak Ahli Parlimen. Dan kalau Ahli-ahli Parlimen, back-benchers dan Pembangkang, boleh dipermain-mainkan oleh pihak Menteri menggunakan Parlimen, saya kesal bahawa Parlimen tidak akan lagi menjadi simbol demokrasi tetapi simbol dictatorship.

Tuan Pengerusi

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Menglembu

Tuan P. Patto: Saya tidak memberi jalan, kecuali on a point of order. You tell me the order!

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, saya minta Standing Order apa?

Tuan Pengerusi: Yalah, Ahli Yang Berhormat itu hendak bangun, hendak bercakap dahulu.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, beliau mesti sebut apa order?

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat itu belum buka mulut pun lagi.

Tuan P. Patto: Baik, boleh beri apa order (*Ketawa*).

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Pengerusi, saya mengakui satu sahaja Tuan Pengerusi dalam Dewan yang Mulia ini dan tidak dua. Point of ordernya ialah sama ada Yang Berhormat wakil dari Menglembu, beliau bercakap bagi pihak beliau atau bagi pihak seluruh back-benchers

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Apa point of ordernya?

Tuan Pengerusi: Saya tahu. Itu sebab saya tanya tadi kalau itu tidak ada berkenaan dengan point of order. Jadi saya mintalah Ahli dari Menglembu teruskan ucapan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mungkin Ahli Yang Berhormat dari Sepang itu tidak mahu saya menyertakan dia dalam golongan Ahli-ahli Parlimen yang tidak menerima jawapan, oleh kerana mungkin Ahli Yang Berhormat dari Sepang tidak pernah membuat soalan dalam Dewan. Soalan tambahan barangkali.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat wakil daripada Menglembu menarik balik, kerana beliau boleh menengok *Hansard*, saya pernah beberapa kali mengemukakan soalan.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tumpukan sekarang ini kepada perbahasan dan jangan menyentuh ahli lain.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin: Yang Berhormat dari Menglembu tidak ada masa saya mengemukakan sesuatu.

Tuan P. Patto: Oh! ya barangkali.

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dalam Jawapan Bertulis kepada soalan-soalan, saya ingin petik daripada Standing Order 24(6), dengan izin, Tuan Pengerusi.

"24(6) If an oral answer to a question is not required, or if a written answer is directed under paragraph (3) of Standing Order 22, the Minister to whom it is addressed shall send copies of the answer to the Setiausaha, who shall cause such answer to be included in the Official Report."

Tuan Pengerusi, tidak ada dinyatakan di dalam Standing Order bahawa Setiausaha dilarang mengeluarkan jawapan-jawapan itu secara cyclostyle atau printed atau dalam apa bentuk pun supaya ia diedarkan kepada Ahli-ahli Parlimen—tidak ada sebut. Oleh kerana tidak ada sebut saya ingin tanya mengapa Ahli-ahli Parlimen kena tunggu—kecuali Ahli dari Sepang—terpaksa menunggu hampir setahun untuk mendapat jawapan. Tuan Pengerusi, saya rasa ini adalah sangat demanding bahawa Jawapan-jawapan Bertulis kepada soalan-soalan hendaklah diedarkan kepada semua Ahli Parlimen sebelum tamatnya satu-satu mesyuarat atau satu-satu meeting di mana soalan itu dikemukakan dan bukan menunggu sehingga *Hansard* keluar. *Hansard* saya rasa sudah berapa tahun terlewat dan kalau kita menunggu *Hansard* angka-angka yang diberi dalam jawapan oleh Menteri-menteri pun semua sudah berubah tidak ada sesuai lagi hendak digunakannya oleh seseorang Ahli Parlimen.

Tuan Pengerusi, tentang soalan-soalan yang diminta untuk dijawab secara lisan, memang saya tahu, Tuan Pengerusi, mempunyai kuasa di dalam hal ini untuk mengarah supaya Menteri-menteri memberi jawapan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha boleh keluaran secara Jawapan Bertulis kepada Ahli-ahli Parlimen. Di sini juga timbul masalah. Sekiranya ada Menteri-menteri yang memberi jawapan itu kepada Setiausaha Parlimen atau pihak pentadbiran Parlimen maka apakah sebab ianya tidak dapat d'edarkan kepada Ahli Parlimen. Jadi, saya merayu sekiranya kesilapan ini terdapat di dalam pentadbiran maka saya harap pentadbiran Parlimen boleh memperbaiki keadaan ini. Sekiranya bukan Parlimen maka saya ingin tahu siapakah yang salah, Menterikah, kalau bukan Menteri mungkin pihak Parlimen akan berkata bahawa kita hantarkan kepada Government Printers, Government Printers tidak cekap. Biarlah Ahli-ahli Parlimen dapat mengetahui keadaan sebenarnya. Tuan Speaker, lagi satu Butiran 1100.

Tuan Pengerusi: Sekarang ini dalam Jawatankuasa, jadi Tuan Pengerusilah.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, minta maaf. (Kod) 1100 Aktiviti (1)(2) dan juga (Kod) 1200 Aktiviti (1)(2) dan (Kod) 1300 Aktiviti (1)(2).

Tuan Pengerusi, dalam Buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi disebutkan bahawa salah satu daripada tujuan cara memberi perkhidmatan ialah dengan mentadbirkan sebuah Perpustakaan yang besar untuk Ahli-ahli.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Bachok juga ada sentuh tentang perkara ini. Pada satu ketika dahulu dalam Mesyuarat ini apabila ditanya tentang sebab-sebabnya mengapa perpustakaan di Parlimen ini tidak boleh dibuka selepas 4.15 petang sehingga persidangan Dewan tamat setiap hari ia bersidang, maka Setiausaha Parlimen dalam Jabatan Perdana Menteri pernah berkata bahawa Ahli-ahli Parlimen bolehlah pergi waktu pagi dan buat reference.

Saya tidak tahu sama ada Setiausaha Parlimen itu berbuat cadangan itu dengan serious ataupun mencari jawapan untuk mengelak dirinya. Saya tidak tahu oleh kerana beliau juga seorang Ahli Parlimen dan tentu beliau ada lain-lain tanggungan

selain daripada duduk di library pagi sampai 4.15 petang. Saya bukan meminta supaya Perpustakaan di Parlimen dibuka setiap hari kecuali hari Sabtu dan atau Ahad dari pukul 8.00 pagi hingga 6.30 petang. Saya meminta supaya pentadbiran Parlimen mengadakan satu sistem di mana apabila Parlimen bersidang pada hari-hari yang Parlimen bersidang biarlah Perpustakaan itu dibuka sehingga Dewan ditangguh untuk hari ia bersidang maka Ahli-ahli Parlimen yang tidak sempat untuk membuat reference atau untuk meminjam buku di dalam perpustakaan dapat juga membuat rujukan (reference) di perpustakaan pada waktu di antara 4.15 petang hingga 6.30. Mungkin beliau akan berkata bahawa ini akan menelan perbelanjaan yang lebih.

Tuan Pengerusi, kalau pada waktu-waktu yang dahulu bila perpustakaan di Parlimen dibuka dari 4.15 hingga 6.30 dan pihak Kerajaan boleh membayar, dan sekarang pihak Kerajaan sendiri berkata ekonomi sudah kukuh, wang ada banyak, petrol dollars flowing in, you can't pay, tidakkah boleh membayar hanya berpuluh-puluh ringgit bagi kakitangan library supaya ia memberi perkhidmatan kepada bukan siapa—Ahli Parlimen. Ahli-ahli yang menganggotai Dewan Perundangan yang tertinggi di dalam negara ini. Saya hairan. Itu sebab saya berkata mungkin Setiausaha Parlimen apabila menjawab soalan pada hari itu mungkin cari helah, bukan menjawab dengan serious. Jadi saya menyarankan supaya perpustakaan di Dewan Parlimen ini dibuka pada hari-hari bersidang dan sekiranya timbul honorarium saya kata bayar, oleh kerana ini adalah satu perkhidmatan kepada Ahli-ahli Parlimen. Saya harap beri honorarium bukan sahaja kepada kakitangan di perpustakaan malah juga bagi kakitangan di seluruh Parlimen hendaklah dikaji bal'k oleh pihak Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab penuh ke atas Parlimen. Tidaklah berguna datang berkata bahawa CCR (Cabinet Committee Report) mengatakan tidak boleh, maka tidak boleh.

Saya rasa itu alasan yang degil (stubborn). Kerap kali bangun dikatakan tidak boleh, CCR kata tidak boleh. CCR itu ditubuhkan oleh pihak Kerajaan sendiri. Keputusan yang dibuat pun oleh CCR. Saranan yang diterima dilaksanakan. Apakah salahnya kalau kita boleh review CCR, boleh direview dan ini

bukan melibatkan 100,000 kakitangan—tidak, mungkin dalam ratusan sahaja. Jadi saya berharap pihak Jabatan Perdana Menteri boleh mengkaji balik.

Tuan Pengerusi, tentang Perpustakaan juga saya kesal sekali kerana sebagai Ahli Parlimen setiap anggota mahu mendalami pengetahuan, meluaskan pengetahuan, orang-orang yang kaya, dengan izin, those who belong to the upper class, mereka boleh menggunakan wang dengan pergi melawat dan melihat dengan mata sendiri, tetapi Ahli-ahli Parlimen yang lain yang mahu meluaskan pengetahuan, mendalami pengetahuan hanya bergantung kepada buku, membaca, up-to-date books, bukan yang sudah out-of-date. Buku-buku di Perpustakaan ini saya rasa ia tidak begitu up-to-date dalam Current Books tetapi ada buku-buku yang mungkin kalau dikira tarikh itu out-of-date, tetapi isi kandungan buku itu tidak out-of-date. Itu perlu dan di sinilah saya timbulkan perkara *Hansard* Parlimen.

Parlimen kita sendiri pada satu ketika dahulu dan sekarang juga Ahli-ahli Parlimen tidak dibenar meminjam *Hansard*. Saya masih ingat Tuan Pengerusi, dalam awal tahun tujuh puluhan Parlimen membenarkan Ahli-ahli Parlimen untuk meminjam *Hansard* supaya membuat rujukan (reference work) supaya dapat mengetahui apa yang telah dikatakan dalam Dewan ini, proceedings dan sebagainya, keputusan-keputusan khususnya oleh Tuan Speaker atau Tuan Pengerusi atas beberapa perkara. Ini penting. Tetapi sekarang apabila kita masuk ke Perpustakaan, *Hansard* tidak boleh dipinjamkan. Tidak tahu apakah sebabnya. Siapakah yang bertanggungjawab untuk memutuskan bahawa *Hansard* tidak boleh dipinjam. Chief Librarian atau Setiausaha Parlimen. Saya ingin tahu sebagai Ahli Parlimen kita rasa malu dalam Perpustakaan Parlimen sendiri kita tidak boleh meminjam *Hansard*. Dari mana lagi kita hendak pinjam?

Saya memang sedar dan setuju, Tuan Pengerusi, bahawa memang ada sebilangan buku yang tidak boleh dipinjam oleh kerana tidak ada banyak naskah. Saya setuju. Kita tidak boleh tambah, kita buat reference apa yang kita mahu tetapi *Hansard* saya rasa ada berpuluh-puluh barangkali lebih di dalam Perpustakaan Parlimen, apa salahnya

pinjam—bukan beri, tetapi ini tidak dibuat. Saya harap Pentadbiran Parlimen boleh mengambil perhatian dalam perkara ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara saya ingin, walaupun sudah terlambat, ingin melafazkan satu penghargaan atas pandangan jauh yang diberi oleh Allahyarham Tun Perdana Menteri dahulu di mana Allahyarham dengan pandangan jauhnya, dengan pandangan bahawa Parlimen ini mestilah menjadi simbol demokrasi benar-benar maka Jabatan Perdana Menteri meluluskan penubuhan Pejabat Ketua Pembangkang di dalam Parlimen seperti yang berlaku di kebanyakan negara-negara Commonwealth yang menggunakan sistem Parliamentary democracy. Tetapi apa yang sedih ialah cara-cara Ketua Pembangkang dilayani oleh Pentadbiran—saya tidak menyoal keputusan Tuan Speaker dalam soal-soal, itu lain tetapi ini Pentadbiran—dalam memberi layanan dan layanan-layanan ini dengan izin, adalah sangat disgraceful, sangat insulting kepada Parlimen.

Saya boleh memberi contoh misalnya di House of Commons di mana dalam perkara-perkara penting pihak Kerajaan membincang dengan Ketua Pembangkang. Dalam soal Aturan Urusan Mesyuarat juga dibincang, dalam Malaysia di Parlimen ini tidak ber'aku hanya dengan nama Ketua Pembangkang. Saya rasa ini satu disgrace, satu insult bukan sahaja kepada jawatan Ketua Pembangkang, kepada Parlimen juga.

Lihat Pejabat Ketua Pembangkang. Dua kali, Tuan Pengerusi, permohonan dibuat oleh pihak Pejabat Ketua Pembangkang untuk mendapat settee sofa yang baru. Oleh kerana seluruh Parlimen—lobby, seluruh Parlimen sudah dapat settee sofa baru, oleh kerana imej Parlimen, imej Ahli Parlimen. Bagaimana dengan imej Pejabat Ketua Pembangkang? Saya membangkitkan perkara ini oleh kerana ada beberapa kali Duta-duta yang datang, dengan izin; Courtesy call on Opposition Leader. Baru-baru ini Duta daripada Pakistan ke Malaysia datang. Kerusi yang diberi kerusi macam itu. Tidakkah ini memalukan Parlimen? Kalau pihak Jabatan Perdana Menteri pu us tidak mahu bagi kerusi, duduk bawah, biar—buat. Siapa malu? Negara—Parlimen, Perdana Menteri yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, itulah sebabnya maka saya bangkitkan perkara ini supaya Setiausaha Parlimen janganlah berpilih kasih sama ada pihak Kerajaan ataupun Pembangkang. Kalau perlu biar. Kalau seluruh Parlimen tidak ada perubahan maka saya kata tidak payahlah oleh kerana seluruh lobby semua kerusi baru, tetapi di sini tidak—ditolak. Inilah saya minta.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara tentang Parlimen dan juga Pejabat Ketua Pembangkang di mana layanan ini berbeza-beza. Tentang gaji Setiausaha kepada Ketua Pembangkang—Setiausaha Politik/Sulit. Saya tidak tahu macam mana perjawatan ini dibuat—Politik/Sulit—tetapi itulah official designation.

Tuan Pengerusi, saya pernah juga menjawat di sini dahulu dan saya tahu tanggungjawab jawatan itu sesiapa yang memegang dan gaji yang diberi pada Setiausaha kepada Ketua Pembangkang adalah gaji yang ditetapkan pada tahun, saya rasa tahun 1972 atau 1973 sehingga sekarang sudah hampir tujuh tahun tidak ada review, tidak ada satu revision. Mengapa? Gaji Setiausaha-setiausaha Sulit kepada Menteri semua revised. Gaji Setiausaha kepada Tuan Speaker dan President of Senate revised. Apakah di sini dia tidak mahu berbuat? Dan saya difahamkan bahawa, dengan izin, Parliamentary Service Advisory Committee (PSAC) pernah menasihatkan dua kali bahawa ia patut direvised, tetapi tidak juga. Mengapa? Siapa yang menghalang? Dan juga benefits yang lain bagi orang yang memegang bagi penjawat itu, tidak kira siapa.

Dan tentang Parlimen Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh point yang akhir iaitu tentang keselamatan di dalam Parlimen. Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa fail-fail perkhidmatan personnel 4 orang pegawai kanan dalam Parlimen didapati telah hilang. Bagaimana hilang tidak diketahui, tetapi saya difahamkan pihak Parlimen pernah menerima sepucuk surat anonymous mengatakan fail-fail itu semua sudah dibakar. Saya ingin timbulkan perkara ini oleh kerana bukan sahaja keselamatan fail-fail perkhidmatan 4 orang itu terlibat tetapi fail-fail perkhidmatan lain-lain pegawai di dalam Parlimen. Kalau kita dalam Parlimen. Dewan Perundangan Ter-

tinggi tidak boleh menjaga fail-fail itu, saya rasa sedih-sedih atas masa hadapan kita.

Tuan Pengerusi, saya berharap dan saya menyatakan di sini bahawa perkara ini tidak boleh dan tidak patut ditutup. Saya minta pihak Jabatan Perdana Menteri yang mengawal pengurusan perbelanjaan ini boleh meminta pihak Polis menyiasat bagaimana hilangnya 4 fail perkhidmatan ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam satu perbicaraan di Mahkamah Persekutuan baru-baru ini telah didapati bahawa beberapa kemasukan (entries) dalam buku-buku rekod yang telah disimpan bagi maksud recording papers dan dokumen yang dibentangkan di Parlimen telah didapati bahawa ada beberapa irregularities, Tuan Pengerusi. Telah didapati bahawa superimpositions dan potongan (cancellation) dan juga ada perkara yang dipadam. Tuan Pengerusi, beberapa entries juga didapati salah Parlimen, misalnya, ada satu entry yang mengatakan bahawa satu Ordinan tertentu was laid di Dewan dalam tahun 1970 bila mana seluruh negara tahu Dewan Parlimen tidak bersidang dalam tahun 1970; seluruh dunia tahu sistem demokrasi berparlimen digantung, MAGERAN yang memerintah, tidak lagi Parlimen pada ketika itu, bagaimanakah entry itu boleh dibuat tahun 1970? Ordinance was laid in the House 1970. Tuan Pengerusi, ini bukanlah satu perkara yang ringan tetapi berat oleh kerana ini menunjukkan bagaimana dokumen-dokumen rasmi disimpan oleh Parlimen. Ini satu kes. Tuan Pengerusi, ini perkara yang serius kita tidak boleh membenarkan sekarang tampering dokumen-dokumen Parlimen. Walaupun perkara ini terdedah di mahkamah saya meminta supaya satu siasatan dijalankan tentang perkara ini dan satu laporan dibentangkan dalam Dewan ini tentang keputusan siasatan yang akan dijalankan kelak.

Tuan Pengerusi, ada juga contoh dalam tahun 1976 iaitu Ketua Pembangkang telah memberi notis untuk membuat pindaan tertentu kepada Employment Amendment Bill pada ketika itu dalam Peringkat Jawatankuasa. Tuan Pengerusi, Tuan Speaker pada ketika itu Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil enggan membenarkan Ketua Pembangkang untuk mencadangkan pindaan itu

oleh kerana notis pindaan tidak dibentangkan dalam Dewan walaupun Ketua Pembangkang telahpun memberi lebih awal lagi. Apa yang telah terjadi kepada siasatan yang dibuat ketika itu oleh House Committee atas Privileges pernah menyiasat, saya tidak tahu sama ada laporan sudah dihantar kepada general administration Parlimen tetapi belum siap untuk dibentangkan ataupun ia sudah memutuskan selepas menyiasat. Inilah perkara-perkara yang penting. Dalam soal B. 1 saya mendesak supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri revamp pentadbiran Parlimen dan disiplin patutlah diketatkan dan juga pegawai-pegawai yang lebih capable dilantik untuk mentadbirkan Parlimen.

Tuan Pengerusi, sekarang saya sentuh B. 7 iaitu mengenai Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Tuan Pengerusi, dalam buku Program Prestasi ia ada menyebut tujuannya, dengan izin, Tuan Pengerusi, saya baca tujuan yang tercatat:

TUJUAN:

Memenuhi keperluan perjawatan serta mengawal tatatertib di dalam Perkhidmatan Pelajaran dengan cekap dan berkesan supaya segala matlamat Kementerian Pelajaran dapat dicapai.

Dan selanjutnya kita terdapat dalam muka surat 97—(iv) Naik Pangkat dan Tatatertib peruntukannya sebanyak \$101,980.

TUJUAN:

Menguruskan segala tindakan kenaikan pangkat dan tatatertib bagi pegawai-pegawai dalam Bahagian I dan Tingkatan Tertinggi dalam Perkhidmatan Pelajaran.

Tuan Pengerusi, sejumlah \$1,751,500 diminta untuk diluluskan bagi Perbelanjaan Mengurus oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Tuan Pengerusi, apa yang saya ingin bangkitkan di sini adalah di bawah satu B. 7 (Kod) 1100, Aktiviti (4) dan juga (Kod) 1300 Aktiviti (4)—Naik Pangkat dan Tatatertib.

Tuan Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ini diberi tanggungjawab untuk interview dan recommend naik pangkat satu-satu pegawai dalam Perkhidmatan Pelajaran Bahagian I dan Tingkatan Tertinggi. Di sini timbul masalah lebih 2,000 Guru-guru Besar yang baru-baru ini telah diumumkan ditukar, naik pangkat, turun pangkat, tak turun gaji pun ada dan bermacam-macam. Tuan Pengerusi, dalam soal ini saya ingin membangkit-

kan tentang cara-cara yang digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Apakah kriteria asas yang digunakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran untuk menentukan siapakah yang boleh naik pangkat.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sila duduk. Ini perkara perjalanan Suruhanjaya tak boleh dibincangkan melainkan ada usul khas di bawah Peraturan Mesyuarat 36. (8).

Tuan P. Patto: Ini di bawah tajuk Bekalan B. 7.

Tuan Pengerusi: Ya, itu betul tetapi bukan tentang pelajaran atau pekerjaan Suruhanjaya itu tak boleh disentuh.

Tuan P. Patto: Tuan Pengerusi, kalau begitu saya ingin mendapat satu jawapan daripada pihak Jabatan Perdana Menteri yang mengawal perbelanjaan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran tentang apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Jabatan Perdana Menteri tentang sungutan-sungutan yang dibuat oleh Guru-guru Besar yang terlibat dalam exercise naik pangkat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya tidak mahu menyoal lagi, Tuan Pengerusi.

Ada terdapat bahawa Guru-guru Besar sekolah menengah yang berpangkat tangagaji P. 2 yang mempunyai Ijazah Am (General Degree) yang mengaku sebagai D1 sekarang sudah didapati diturunkan pangkat ke D2 dan mereka yang menjadi Guru Besar di sekolah-sekolah yang besar ditukar kepada sekolah yang kecil tetap gaji memang tidak diturunkan. Tetapi apa yang mereka rasa ialah mereka merasa kecil hati dan malu.

Ini adalah satu perkara yang rasa saya sensitif dan hari ini (*Dengan izin*) National Union of Teaching Profession sudah pun memberi satu amaran bahawa sungutan-sungutan ini boleh "overflow" ke dalam bilik darjah dan inilah Jabatan Perdana Menteri patut bertanggungjawab untuk menahan supaya ia jangan overflow ke dalam bilik darjah oleh kerana kalau overflow ke dalam bilik darjah akibatnya murid-murid yang akan menerima akibat itu.

Tuan Pengerusi, juga dalam soal ini saya tidak memahami bagaimana Guru-guru Besar yang akan bersara dalam 6 bulan atau setahun ditukar, diturunkan pangkat. Saya

boleh beri satu contoh di mana seorang Guru Besar normal-trained yang telah berkhidmat bertahun-tahun sebagai Guru Besar, apabila minta untuk ditukarkan ke kampungnya oleh kerana beliau hanya ada setahun lagi untuk berkhidmat, beliau memang diberi pertukaran tetapi pertukaran itu lebih jauh daripada kampung dan Guru Besar itu jadi guru biasa. Mereka bukan bersungut tentang gaji, Tuan Pengerusi, tetapi apakah perkhidmatan, apakah pengorbanan, apakah service yang mereka telah beri dalam perkhidmatan pelajaran ini tidak dihargai oleh pihak tertentu. Itulah yang mereka membangkitkan dan saya berharap untuk mendapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja pandangan saya tentang beberapa Butiran.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Dungun.

5.35 *ptg.*

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bersama-sama membicarakan peruntukan yang telah diperuntukkan kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu bagi Maksud-maksud B. 1 hingga 14 dan P. 8, P. 9 dan P. 10 yang berjumlah \$1,094,460,978.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Maksud Butiran B. 9 Butiran 1100 Aktiviti (4) dan (5). Bercakap mengenai aktiviti (4) Majlis Keselamatan Negara di mana di bawah Jabatan Perdana Menteri ada terdapat satu Majlis yang dinamakan Majlis Keselamatan Negara dan fungsi-fungsi yang begitu berat dan tanggungjawabnya begitu besar sekali. Lebih-lebih memberatkan lagi Majlis ini apabila pendatang-pendatang haram membanjiri negara ini di mana untuk menghadapi masalah-masalah ini iaitu masalah kebanjiran pendatang-pendatang haram ini di bawah Majlis Keselamatan Negara ini telah tertubuh satu badan iaitu Penguatkuasa (Task Force) di mana ditempatkan di negeri-negeri Kelantan, Pahang dan Trengganu. Jadi untuk menalakan aktiviti-aktiviti ini, di bawah Majlis ini baru-baru ini, pihak MKN telah membeli banyak bot-bot dengan Maksud untuk menghalau pendatang-pendatang haram. Tuan Pengerusi, apa yang saya mahu mengingatkan MKN dalam menjalankan masalah ini selepas daripada bot-bot itu dibeli dan digunakan untuk tujuan-tujuan yang tertentu iaitu menarik bot-bot Vietnam ke

laut lepas maka bot-bot itu ada yang dibiarkan dengan tidak dijaga dengan sebaik-baiknya dan ada yang setengah-setengahnya tersadai begitu sahaja hingga di Kuala Dungun sendiri, kawasan saya, saya dapati ada dua tiga yang tersadai dengan tidak mendapat jagaan yang baik. Itu di Kuala Dungun, Tuan Pengerusi, kemungkinan di tempat-tempat lain juga berlaku perkara-perkara ini. Ini adalah satu gambaran pembaziran yang tidak diperlukan.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan supaya dengan penambahan pegawai-pegawai dalam Majlis Keselamatan Negara ini daripada 157 orang dalam tahun 1979 ini kepada 164 orang pada tahun hadapan, saya mengharapkan supaya perkara-perkara seperti yang saya sebutkan tadi tidak akan berlaku lagi dan banyaklah wang negara akan dapat diselamatkan.

Beralih saya kepada Aktiviti (5) dalam Maksud B.8, Butiran 1100, Aktiviti (5)—Pentadbiran Ugama Islam, Di bawah Jabatan Perdana Menteri kita dapati ada Pusat Islam, Institiut Dakwah dan Latihan Islam kemudian Urusetia Majlis Kebangsaan.

Saya ingin menyebut tentang Institiut Dakwah dan Latihan Islam di mana kita lihat dari segi program-program yang telah dibuat oleh Institiut ini kita rasa amat berbangga sekali kerana sepanjang tahun ini banyak dilaporkan bahawa kursus-kursus dakwah kepada kakitangan Kerajaan kepada badan-badan belia dan lain-lain telah dibuat tetapi memandangkan kepada kehendak (demand) semasa masyarakat di negara kita ini kepada pengetahuan Islam yang lebih maka saya merasakan Institiut ini ataupun kakitangannya perlu diperbanyakkan khususnya Pengarah institiut itu sejak ia ditukarkan, dua tiga, empat bulan yang lalu Pengarah Institiut itu hingga kini masih kosong dan ini telah memberi jejasan yang banyak kepada perjalanan INDAH itu. Saya berharap dengan peruntukan yang diberi kepada INDAH di bawah Jabatan Perdana Menteri ini saya mengharapkan supaya Pengarah Institiut itu dipenuhi dengan segera dan pegawai-pegawai yang diberhentikan selama ini hendaklah diambil semula supaya perjalanan INDAH pada tahun depan akan dapat berjalan dengan lancar dan kehendak masyarakat kepada pengetahuan dan pengajaran ugama yang lebih bermakna akan dapat disalurkan melalui Institiut ini.

Yang kedua di bawah Aktiviti Pentadbiran Agama Islam, saya hendak menyentuh mengenai Urusetia Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam yang mana salah satu daripada fungsinya ialah mengurus dan menyelia mengenai perjalanan agama Islam di Wilayah Persekutuan.

Perjalanan agama Islam di Wilayah Persekutuan kalau hendak dikira dari segi halangan dan rintangannya, kalau hendak dipandang dari segi kelicinannya berbanding dengan negeri-negeri yang lain di Wilayah Persekutuan dapat berjalan dengan lebih daripada negeri-negeri yang lain tetapi ada perkara-perkara yang tidak dapat dijalankan. Ada kertas-kertas yang hendak dijalankan oleh pegawai-pegawai terpaksa menunggu kelulusan daripada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam terlebih dahulu. Jadi ini satu perkara. Oleh sebab itu saya mengharapkan supaya Majlis Kebangsaan dapat mengadakan mesyuarat dengan jadual-jadual yang tertentu sekira-kira tidak dapat melambatkan sebarang urusan ke arah melaksanakan hukum-hukum ataupun undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lubok Antu.

5.45 ptg.

Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (Lubok Antu): Tuan Pengerusi, saya bangun kali ini untuk bersama-sama membahaskan mengenai ucapan Belanjawan yang diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk tahun 1980 yang d'bantangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sebentar tadi. Saya juga menyokong peruntukan di bawah Jabatan Perdana Menteri sebanyak \$1,064,421,778 untuk tahun 1980.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit di bawah B.4, muka surat 40, Butiran 1100, Aktiviti (2)—Pendaftaran Tahunan Pemilih dan Penyemakan Daftar-daftar Pemilih. Peruntukan sebanyak \$45,105 untuk Sarawak bagi tahun 1980. Peruntukan ini memang tidak mencukupi untuk Sarawak sebab saya berpendapat di bawah Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya di Sarawak sangat kekurangan penerangan (publicity) kepada rakyat di luar bandar mengenai tempoh atau masa pendaftaran mereka sebagai pengundi. Saya difahamkan bahawa 30% penduduk-

penduduk luar bandar belum lagi mendaftarkan diri sebagai pengundi di seluruh kawasan ulu di Sarawak oleh sebab kesusahan masalah pengangkutan dan kerana ramai rakyat luar bandar tinggal di kawasan-kawasan terpencil. Saya berpendapat beberapa tahun yang lepas Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya menjalankan atau melakukan daftar-daftar pemilih di District Office dan di sekolah-sekolah sahaja tiap-tiap tahun. Kalau kita mendaftar pemilih untuk rakyat di bandar seperti itu haruslah memuaskan. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan di sini supaya Jabatan Suruhanjaya Pilihanraya menambahkan kakitangannya, membanyakkan lagi tempat-tempat untuk membuang undi di luar bandar dan haruslah jabatan ini mengambil berat dan memberi arahan ke peringkat negeri bahawa daftar-daftar pemilih tahunan dilakukan atau dijalankan di kampung-kampung atau ke tempat-tempat yang sangat jauh di luar bandar untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara saya ingin menyentuh iaitu di bawah P.8, muka surat 65, Butiran 35—Pemberian kepada Negeri-negeri untuk Jalan di Luar Bandar. Peruntukan sebanyak \$30 juta untuk Negeri Sarawak di dalam tempoh 4 tahun iaitu dari tahun 1976-1980. Peruntukan atau anggaran \$30 juta ini sangat-sangat kecil dan tidak mencukupi untuk Sarawak. Sarawak masih menghadapi kekurangan jalanraya ataupun jalan kecil di luar bandar. Dari segi ini rakyat kita yang berpendapatan rendah, pekebun-pekebun kecil dan petani-petani yang bersusah payah untuk berjual beli ke bandar-bandar. Saya berharap peruntukan ini akan dapat ditambahkan berlipat kali ganda untuk tahun 1980 kepada negeri Sarawak untuk mengatasi masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya sokong belanjawan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.51 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Belanjawan di dalam Butiran 1100, Maksud B.8, Aktiviti (8), muka surat 55—Urusetia Perpaduan Negara dan juga seterusnya Aktiviti (7)

dalam muka surat yang sama—Urusetia Rukun Tetangga dan yang akhirnya Aktiviti (4) dalam muka surat dan Butiran yang sama iaitu Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Perpaduan Negara, kini sudahlah sampai masanya untuk semua rakyat Malaysia mengambil sesuatu pendirian yang tepat dan tegas berkenaan dengan peranan mereka dalam riwayat negara kita pada masa sekarang dan juga masa depan.

Pada masa yang lampau, Tuan Pengerusi, hak-hak dan keistimewaan serta kedudukan warganegara Malaysia tidak pernah dipersoalkan maka tidak pernahlah menjadi isu negara. Turun-temurun orang-orang Cina dan India dipandang sebagai peniaga-peniaga manakala orang-orang Melayu dipandang sebagai pentadbir awam. Malangnya dengan pelaksanaan polisi-polisi yang bertujuan untuk membasmiikan gejala-gejala pengenalan bangsa-bangsa dengan sektor-sektor pekerjaan, berbagai masalah telah timbul akibat ketidakbolehan ataupun kesukaran semua bangsa untuk menyesuaikan diri masing-masing kepada perubahan-perubahan besar yang sedang berlaku dengan pesatnya.

Berbagai masalah, Tuan Pengerusi, penyelesaian telah dibesar-besarkan serta dipergemparkan sehingga terkeluar dari batasan kenyataan oleh pihak Pembangkang. Keadaan sedemikian telah menimbulkan ketidakpuasan serta ketakutan di kalangan rakyat jelata oleh kerana Kerajaan selalunya lambat untuk mengambil tindak balas supaya rakyat jelata diterangkan tentang keadaan yang sebenarnya. Kerap kali Kerajaan hanya memberi penjelasan setelah pihak pembangkang puas-puas mengeksploitasikan isu-isu ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat jangan jauh sangat pergi kepada dasar.

Sekarang kita dalam peringkat Jawatan-kuasa.

Dr Tan Tiong Hong: Ya, ini berkenaan Perpaduan Negara. Dan saya tidak keluar dari isu.

Tuan Pengerusi, kalau Kerajaan mula mempunyai kepercayaan tentang kebolehan rakyat jelata untuk memahami serta menerima keterangan-keterangan yang benar dan

menasabah, saya yakin pihak Pembangkang yang bukan sahaja mengurangkan modal untuk berbuat bisnes tetapi akan mula sedar tentang keikhlasan kita untuk menyelesaikan isu-isu negara. Satu contoh yang baik di mana penjelasan yang cepat serta tepat, berkebolehan untuk menghalang kritik-kritik pihak Pembangkang adalah isu "Tarian Singa". Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas satu penjelasan yang begitu terang mengenai isu "Tarian Singa". Saya yakin semua Persekutuan Bangsa Cina tidak akan ada sebarang keraguan bahawa "Tarian Singa" satu simbol kebudayaan warisan keturunan Cina akan mendapat sebarang gangguan pada masa yang akan datang. Sebenarnya kita harus menggalakkan rakyat Malaysia

Tuan Pengerusi: Ini Yang Berhormat bercakap di bawah Butiran mana?

Dr Tan Tiong Hong: Di bawah Butiran 1100, Aktiviti (8) iaitu berkenaan dengan Urusetia Perpaduan Negara:

(ii) Penyelidikan,

(iii) Perhubungan Masyarakat.

Tidak panjang lagi. Sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Panjang tidak apa tetapi mesti mengikut Peraturan Mesyuarat 66.

Dr Tan Tiong Hong: Ya, Tuan Pengerusi, saya telah menjelaskan masalah "Tarian Singa" ini tidaklah timbul lagi dan saya yakin semua Persekutuan Bangsa Cina tidak akan timbul sebarang keraguan bahawa "Tarian Singa" satu simbol kebudayaan warisan keturunan Cina. Dan sebenarnya kita harus menggalakkan rakyat Malaysia dari keturunan yang lain untuk bersama mengambil bahagian dalam "Tarian Singa". Maka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada beberapa Persatuan Tarian Singa yang telah membuka pintu kepada rakyat Malaysia dari keturunan yang lain.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya merayu orang-orang Cina untuk bersama-sama mengambil bahagian di dalam tarian India dan Melayu Asli.

Tuan Pengerusi, pihak Pembangkang akan mempunyai alat yang amat berkesan untuk mengelirukan rakyat jelata sekiranya rakyat terpisah dari berita-berita yang tepat dan

semasa (up-to-date). Keadaan ini akan menimbulkan khabar-khabar angin dan seterusnya menimbulkan ketakutan di kalangan rakyat. Keadaan yang buruk ini dapat dicegah melalui pembesaran berita yang lengkap serta bersesuaian. Salah satu ajen yang boleh memainkan peranan yang berkesan adalah Lembaga Perpaduan Negara. Maka saya sangat-sangat berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengarahkan Lembaga tersebut untuk bertindak sebagai satu jambatan (bridge) yang berkesan antara rakyat dengan Kerajaan.

Berkenaan dengan Sekretariat Rukun Tetangga di dalam Butiran 1100, Aktiviti (7)—Urusetia Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, keadaan politik sekarang di Asia Tenggara harus membuka mata rakyat Malaysia terhadap keperluan untuk berorganisasi untuk faedah masa depan terutama dalam keadan darurat. Kerajaan harus mempergunakan pertubuhan-pertubuhan yang ada sekarang ataupun memulakan pertubuhan-pertubuhan yang baru untuk mencapai tujuan tersebut di atas. Maka saya inginlah merayu Kerajaan supaya memperkembangkan Sekretariat Rukun Tetangga yang ada sekarang agar menjadi lebih berkesan dalam perjalanan tugas-tugasnya. Kerajaan haruslah mengkaji masalah-masalah yang sedang menimpa Pusat-pusat Rukun Tetangga. Satu masalah yang besar ialah kelemahan Jawatankuasa Pusat Rukun Tetangga dalam hal pentadbiran dan pengurusan. Mungkin Jawatankuasa kurang mendapat bimbingan dari Sekretariat Rukun Tetangga. Ada penduduk-penduduk di beberapa kawasan mengatakan Ahli-ahli Jawatankuasa memilih kasih lalu melepaskan saudara-mana atau kawan-kawan mereka dari tugas-tugas Rukun Tetangga. Perkara-perkara sedemikianlah yang akan meniatuhkan semangat penduduk-penduduk sehingga mereka juga turut melarikan diri dari tugas-tugas Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa tidak berani mengambil tindakan sebab mereka terlebih dahulu telah membuat kesalahan memilih kasih. Jadi kedatangan ke pusat-pusat Rukun Tetangga akan terus berkurangan, semangat penduduk-penduduk terus jatuh dan seterusnya ramai lagi orang-orang yang melarikan diri daripada tugas Rukun Tetangga sehingga matilah Pusat Rukun Tetangga tersebut. Perhubungan antara Sekretariat Pusat Rukun Tetangga dengan pihak Polis begitu longgar sekali sehingga ko-

ordinasi serta komunikasi tidak berkesan langsung. Saya rasa pihak Sekretariat harus bekerja lebih rapat dengan Pusat-pusat Rukun Tetangga melalui Jabatan-jabatan Polis dan kawasan tersebut. Jabatan Polis harus bertanggungjawab di atas prestasi Pusat-pusat Rukun Tetangga di dalam kawasanya. Pihak Polis harus menghantar kakitangan untuk menyelia serta mengawasi pergerakan Pusat-pusat Rukun Tetangga itu.

Tuan Pengerusi, perkara-perkara seperti pembarisan, kawat, perondaan, penggunaan senjata kayu batin dan sebagainya harus di ajarkan kepada penduduk yang bertugas di Pusat Rukun Tetangga, maka tugas-tugas mereka akan menjadi lebih bermakna dan berminat. Dan Sekretariat Rukun Tetangga tidak seharusnya menggunakan kuasa undang-undang untuk menggerak penduduk-penduduk dalam kegiatan Rukun Tetangga. Kita harus cuba memenangi keyakinan rakyat secara penerangan yang lengkap dan terang. Kita harus buat rakyat sedar akan faedah-faedah Rukun Tetangga serta kita juga harus bersedia mendengar pengaduan-pengaduan mereka. Maka saya syorkan ketiga-tiga pihak iaitu Sekretariat, Polis dan Jawatankuasa Pusat Rukun Tetangga bersama-sama mengadakan majlis dailog bulanan atau mingguan untuk bertukar-tukar fikiran serta mendapat bahan-bahan untuk kegunaan perancangan pada masa depan.

Saya rasa kita tidak seharus putus harapan dan apa-apa rancangan yang telah dimulakan haruslah dilaksanakan hingga mencapai kejayaan sepenuhnya.

Dan yang akhir sekali dalam Kod 1100, muka surat 55, Aktiviti (4) Keselamatan Negara. Tuan Pengerusi, kedua-dua perkara yang telah saya bincangkan tadi bersangkutan kuat dengan hal keselamatan negara kita, secara ringkas Kerajaan haruslah lebih rapat lagi dengan rakyat jelata agar mereka dapat menikmati keterangan-keterangan atau berita-berita yang sebenarnya serta dapat memahami dasar-dasar Kerajaan yang bertujuan untuk menyatukan rakyat yang berbilang bangsa. Sambil itu Kerajaan harus menyedarkan rakyat betapa pentingnya untuk mula bekerjasama supaya seluruh rakyat jelata akan menjadi lebih teratur dan organised kalaulah rakyat Malaysia sudah bersatu padu serta berorganise maka Kerajaan sudahlah berjaya menyediakan warganegara untuk menyambut panggilan negara pada masa darurat dan keluar mempertahankan integriti

negara bagi mengokohkan keselamatan negara kita Malaysia. Dengan ini saya menyokong Anggaran Belanjawan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

6.05 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap B. 1, muka surat 33, 34 berkenaan dengan Parlimen.

Tuan Pengerusi, sejak 8hb Oktober yang lalu dan akan berakhir pada 7hb Disember, kita bersama-sama bermesyuarat selama 38 hari. Jadi maksud saya di sini dalam bab Parlimen baik tak baik, ada yang membangkang lambat dan sebagainya, tentulah ini adalah satu kenyataan kepada kita bersama bahawa unsur Parlimen inilah yang membawakan negara kita sekarang memerintah, banyak mana kita akan berbelanja tahun 1980 yang mana telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 18hb Oktober yang lepas yang mana kita sama-sama Ahli Parlimen baik pun bagi pihak Kerajaan dan sudah tentu begitu juga saya yakin ada setengah juga pihak Pembangkang yang menyokong, jadi apa yang diputuskan dalam Parlimen ini, inilah yang telah dijadikan pemerintah pada negara kita Malaysia secara demokrasi.

Tuan Pengerusi, maka dengan sebab itu sebagaimana juga kita termaklum dalam negara kita yang berparlimen dan berdemokrasi ini kalau tidak silap saya ada beberapa syarat selain daripada tempat kita putuskan dalam Dewan yang mulia ini baik pun perbelanjaan, begitu juga Rang Undang-undang baik pun yang dipinda ataupun yang di-baharui untuk diperbaiki dibawa pula kepada Dewan Negara dan dengan arahan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara kemudian digazetkan dan sebagainya maka jadilah undang-undang itu cara pemerintahan negara kita. Jadi, maksud saya, Tuan Pengerusi ini adalah satu bangunan walaupun kecil ataupun besar bangunan inilah sebagai pusat pemerintahan negara pada hari ini. Dan orang-orang yang terlibat dalam inilah yang patut dijadikan satu peringatan sejarah kalaulah tidak boleh ditulis semua Ahli-ahli Parlimen, saya berpendapat kalau tiga atau empat orang yang tertentu iaitu Agong sebagaimana kita tahu dialah memerintah supaya Dewan ini diadakan baik pun Dewan

Rakyat begitu juga Dewan Negara, sesudahnya dan diputuskan oleh Dewan ini Agonglah memutuskan atau menandatangani

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau hendak menyebut nama, sebut dengan penuh.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya!

Tuan Pengerusi: Kalau hendak sebut nama, sebutlah nama dengan penuh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Shaari bin Jusoh: Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mengarahkan supaya Dewan ini bersidang begitu juga Dewan Negara, sesudah Dewan ini bersidang Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga menandatangani baharulah salah satu syarat Perlembagaan ini boleh dijalankan.

Tuan Pengerusi: Ini apa halnya?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ini di bawah Kepala Parlimen—Urusan Parlimen.

Tuan Pengerusi: Parlimen itu bukan semuanya. Apa tajuknya, aktiviti mana.

Tuan Shaari bin Jusoh: Pengurusan Dewan Rakyat Bersidang.

Tuan Pengerusi: Tetapi apa yang sampai jauh-jauh. Tujulah tempatnya itu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Pengerusi, maksud saya sebelum Dewan ini bersidang arahan daripada Yang di-Pertuan Agong yang kita tengok dalam Undang-undang ini

Tuan Pengerusi: Itu semua orang sudah tahu.

Tuan Shaari bin Jusoh: Maksud saya, Tuan Pengerusi, orang yang bersangkutan dengan ini patutlah dikenangkan oleh Parlimen ini. Maksud saya dengan ditulis, dibuatkan potretnya yang khas dan dituliskan sejarah seorang demi seorang Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu tarikh keputeraan dan tarikh ia mangkat dan sejarahnya lebih kurang kerana kita tahu sejarah pemerintahan kita ini patut dikenang.

Setakat ada gambar pada hari ini tidak cukup, cuma ada gambar biasa, tidak ada dengan sejarahnya dan kalau adapun, kalau tidak silap saya tidak lebih daripada 5 orang, sedangkan setakat kita merdeka daripada tahun 1957 sampai hari ini kalau tak silap saya masuk yang ketujuh dengan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi: Jangan kata tak silap, betul terus kata 7 sudahlah, apa yang kalau tak silap lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, yang ketujuh dengan yang ada sekarang. Dengan sebab itu saya berharap orang-orang yang bersangkutan patutlah diadakan gambar-gambar mereka ini di dalam Bangunan Parlimen ini.

Begitu juga Perdana Menteri yang telah memerintahkan negara ini patut diadakan dalam Bangunan Parlimen kita yang indah, sebagaimana gambar Yang di-Pertuan Agong juga, baikpun yang masih hidup seperti Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman yang biasa menjadi Perdana Menteri Malaysia, begitu juga Allahyarham Tun, begitu juga yang masih ada sekarang secara yang ringkas patut dicatit dalam nama-nama mereka di dalam Bangunan Parlimen.

Begitu juga patut diadakan potret-potret orang yang jadi Pengerusi dalam Dewan ini, baikpun Pengerusi Dewan Rakyat, begitu juga Dewan Negara. Maaf, Tuan Pengerusi, bukanlah saya hendak sebut sebab Tuan Pengerusi, ini cara tak langsung adalah kaitan satu dengan lain. Kalau tak silap saya Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang pertama ialah Allahyarham Dato' C. M. Yusuf, sedangkan saya salah seorang yang biasa menjadi Wakil Rakyat pun tak ingat inikan pula saya ingat banyak lagi orang yang tak ingat walhal orang ini adalah orang yang jangkit-menjangkit dengan sebab mem-pengerusikan Dewan. Begitu juga yang kedua itu saya ingat lagi, Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil dan yang ketiga tentulah Tan Sri sendiri. Jadi orang-orang yang berkenaan ini pada pendapat saya patutlah diadakan dalam gambar, bukan setakat Dewan Rakyat sahaja, begitu juga termasuk Dewan Negara, kalau tak silap saya Yang di-Pertua pertama ialah Allahyarham Datuk Abdul Rahman, bapa kepada Allahyarham Tun Dr Ismail; yang kedua ialah Tan Sri Hamid Khan dan yang ketiga ialah Yang

di-Pertua sekarang. Orang-orang ini adalah orang yang membawakan Perlembagaan kita yang kita putuskan tiap-tiap hari bertanggungjawab. Kalau hendak ambil Ahli Parlimen semua, itu saya ingat tidak patut sangat, sekadar orang yang bersangkutan ini patutlah ditulis ataupun diadakan potret-potret mereka dalam Bangunan Parlimen.

Saya berpendapat juga, Tuan Pengerusi, patut diadakan sedikit peruntukan kepada ahli-ahli yang sedia kala melawat Parlimen. Berilah mereka ini sedikit jamuan teh dan sebagainya dan beri taklimat-taklimat khasnya yang selalu suka melawat kerana kita tahu banyak daripada pelawat-pelawat dalam Malaysia kita sendiri bila mereka melawat ke Kuala Lumpur salah satu tempat mereka akan melawat ialah ke Bangunan Parlimen, patutlah juga kita beritahu sedikit sebanyak berkenaan dengan pemerintahan kita walaupun ada dalam akhbar dan sebagainya cara lebih dekat lagi kepada umum kerana inilah pusatnya membawakan pemerintahan kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak hendak bercakap panjang dan saya hendak ambil seberapa ringkas yang boleh.

Tuan Pengerusi, bercakap saya dalam B.3 berkenaan dengan Jabatan Odit. Saya berpendapat patutlah Juru Odit ini sepatutnya menjadi kawan tentang pentadbiran, jadi kawan kepada tempat yang diodit. Janganlah bila satu orang hendak pergi odit ke satu-satu jabatan, dengan perasaan pejabat itu berasa takut kerana bila dia tengok datang seorang Juru Odit seolah-olah cari salah, biarlah ada sifat tegur ajar. Saya berpendapat banyak pejabat-pejabat yang didapati ada setengah daripadanya tidak berodit sampai 4-5 tahun. Ada setengahnya disungutkan oleh setengah guru-guru macam buku-buku, setengahnya itu sampai 5 tahun mesti ditaruh sampai ke kulit buku sedangkan kadang-kadang buku yang muka suratnya sampai 40 dan sebagainya kalau hendak taruh sampai 4-5 tahun sudah berkecai. Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya gunakan perkataan "berkecai", tetapi terpaksa ditaruhkan juga kerana hendak ambil alasan sebagai Juru Odit. Saya berpendapat biarlah kita tengok satu-satu benda yang tidak tahan lama itu janganlah ditunggu sampai 3-4-5 tahun hendak tunggu juga, hendak kutip perkara itu, biarlah kita hapuskan, jangan dimasukkan pada segi kira-kira.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya dapati sungutan oleh setengah-setengah pejabat, khasnya pihak-pihak guru sekolah, mereka ini tidak ditunjuk-ajar cara menjadi Juru Odit. Kadang-kadang laporan itu disuruh oleh pihak yang berkenaan itu kerja sendiri sedangkan setengah-setengah pihak sekolah, misalnya sekolah yang berpangkat C yang murid-muridnya sedikit, Guru Besar itulah menjadi Guru Besar dan Guru Besar itulah menjadi Kerani dan sebagainya. Mereka juga akan menyediakan segala kira-kira yang dikehendaki oleh pihak Juru Odit. Saya berpendapat patutlah pihak Juru Odit sendiri menghantarkan tunjuk ajar dan cara-cara yang hendak dibuat supaya senanglah setengah-setengah pihak yang saya sebutkan tadi dapat menjalankan kerjanya.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada B.4 berkenaan dengan Pilihanraya. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, katanya dalam soal jawab yang lepas boleh jadi kerana pilihanraya itu lambat lagi, ini salah satu sebab orang yang tidak begitu minat, saya tak nafikan, itu benar sangat-sangat. Tetapi walau macam manapun, saya berpendapat patutlah cara pilihanraya ini diminati betul-betul kerana rakyat Malaysia ini sama-sama bertanggungjawab, dengan sebab itu saya mencadangkan 2-3 perkara untuk membaiki lagi cara pilihanraya.

Pertama, lantikan pegawai-pegawai pilihanraya hendaklah seboleh-bolehnya berunding dengan pihak Kerajaan Negeri masing-masing. Contohnya macam di Perlis, hendak lantik seseorang pegawai itu biarlah berunding dengan pihak Kerajaan, khasnya Menteri Besar yang berkenaan, kadang-kadang dilantik orang yang tidak begitu disetujui oleh pihak yang berkenaan.

Kedua, saya berpendapat kita ubah corak sedikit, jangan dibuat cara gaji ataupun elaun sebulan \$100 ataupun setengahnya \$200, saya pun kurang tepat. Saya berpendapat hendak menarik orang cara mengundi dan hendak menarik pekerja-pekerja itu betul-betul minat bekerja kita buat cara baru. Satu, kita berikan elaun kepada Pembantu Pendaftaran, biarlah tak tinggi, misalnya \$50 sebulan seorang tetapi kita beri elaun kepala, misalnya dia banci satu orang 30 sen, dia jalankan bancian tentu tiap-tiap hari macam dibuat hari ini. Saya tidak bersetuju dengan pendapat kawan saya dari Bachok tadi, katanya kadang-kadang

tidak ada pegawai pembantu luar masa orang pergi mendaftar. Setakat yang saya tahu di tempat saya di Perlis, Pembantu Pendaftaran menunggu tempat itu kadang-kadang saya tak pernah tengok orang pergi mendaftar, tidak begitu minat Ahli-ahli politik pun sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dalam jawapan masa soal jawab saya masih ingat lagi katanya orang tak minat kerana pilihanraya ini masih jauh, itu saya tidak nafi. Tetapi kalaulah diberi elaun mengikut kepala yang dibancinya, misalnya saya kata tadi satu kepala pengundi baru 30 sen atau 50 sen, dengan sendirinya pembantu luar atau pembanci itu akan berjalan siang dan malam, syaratnya yang boleh mendaftar dengan mengikut umur yang boleh. Janganlah dia hendak banci yang tidak cukup umur kerana hendak cari wang, tentulah kita hendak tengok dengan daftarnya sekali tentulah kesemua orang akan kena banci dengan syarat tadi. Kalau dibuat cara setakat hari ini tidak begitu berkesan tidak tahulah, kata Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana jauh lagi pilihanraya. Pilihanraya tak tentu, yang kita tahu tentulah 4-5 tahun, tetapi walau macam manapun, biarlah seboleh-bolehnya yang boleh mengundi semua.

Tuan Pengerusi, kalaulah boleh, Perlis ini negerinya kecil

Tuan Pengerusi: Tetapi suaranya besar! (Ketawa)

Tuan Shaari bin Jusoh: 360 batu persegi, Ahli-ahli Dewan Undangan Negerinya ada 12, Parlimennya 2—Kangar dengan Arau. Kalau dahulu utara dengan selatan, sekarang Kangar dengan Arau, Tuan Syed Hassan dengan Shaari

Tuan Pengerusi: Nama tidak boleh sebut mengikut Peraturan Mesyuarat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya tarik balik. Tak tahulah saya saluran mana yang dibuat. Kalau Melaka ada 20 orang Ahli Dewan Undangan Negeri, kalau tidak silap saya 4 orang Ahli Dewan Rakyat, begitu juga setengah negeri 4:1 macam di Pahang, alangkah baiknya kalau di Perlis itu boleh ditambah satu lagi menjadi 3. Ini kalaulah boleh pada pendapat saya mintalah Kerajaan menimbang semula kerana di Perlis juga kalau banyak sedikit Wakil Rakyat itu tentulah

kalau hendak dikira segi pengundi dalam satu kawasan, Kawatan Parlimen Kangar sahaja lebih daripada 28,000 dan saya percayalah kawasan lain pun ada yang tidak sampai 28,000. Jadi saya haraplah patut Kerajaan mengkajikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada perkara lain iaitu berkenaan Perkhidmatan Awam. Saya mengucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Perkhidmatan. Saya dengar baharu-baharu ini ada satu usaha mengenai Operasi Isi Penuh, maknanya semua jawatan kosong akan dipenuhi. Saya berharap apa yang ditegaskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam itu dapat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh, tetapi kalau pegawainya tidak cukup, tentulah pelaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan sempurna.

Yang kedua, mengenai Operasi Isi Penuh ini juga, saya dapati hari ini masih banyak di antara pegawai-pegawai Kerajaan dalam jawatan Pemangku banyak sangat. Ada setengahnya, pegawai itu sudah meninggal atau mengambil tempat lain, dia jadi Pemangku sampai empat tahun. Kalau tidak silap saya, jawatan yang hendak dipangku ini tentulah tak sampai empat lima tahun. Memangku jawatan Perdana Menteri semasa Allahyarham Tun tidaklah lama begitu juga memangku jawatan Speaker. Kalau lebih dari tiga tahun, saya rasa itu tidaklah menasabah. Inilah harapan saya.

Tuan Pengerusi, bukanlah maksud saya hendak suruh ambil orang yang tidak berkebolehan bakal jadi Ketua, kebolehan kita hendak, kerana kalau tidak ada kebolehan, ia berlawanan pula dengan kehendak Tuhan. Tuhan pun suruh cari orang yang berkebolehan, tetapi walau macam manapun dari segi kejujuran, dari segi keikhlasan, itu pun salah satu syarat daripada naik pangkat, kadang-kadang hingga setakat kebolehan ini, setengah orang tata tertib tidak ada, cara hendak bersungguh tak ada—itu tak jadi apa. Jadi dari segi naik pangkat ini, saya berharap pandanglah dari segenap segi, kebolehan dan kejujuran serta bersungguh-sungguh seseorang itu.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Maksud B 8. —Jabatan Perdana Menteri. Saya bersetuju dengan kawan-kawan saya termasuk Ahli dari Arau dan Dungun. Di

samping itu, B. 8, Aktiviti (5)—Pentadbiran Ugama Islam termasuklah Ugama Islam di Pusat Wilayah dan ugama Islam yang Tuan Pengerusi jadi Pengerusi disebabkan Pertandingan Quran termasuk dalam Aktiviti (5) ini juga.

Tuan Pengerusi, ugama Islam ialah ugama rasmi, dan saya percaya sekurang-kurangnya seminggu sekali iaitu pada hari Jumaat, saya yakin hampir 1 juta orang hadir dalam masjid yang ada dalam seluruh Malaysia, termasuklah masjid dalam kawasan saya ada 48 buah bahawa tiap-tiap kali Jumaat, saya percaya orang hadir di masjid. Saya berpendapat cara kita hendak beri fahaman kepada orang ialah dengan cara memberi khutbah syarahan dan sebagainya. Saya amat tertarik hati khutbah yang dikeluarkan oleh Jabatan Ugama Islam Malaysia. Kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak. Saya rasa patutlah khutbah ini dikarang dan dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ugama, dikarang khutbah-khutbah yang mengandungi unsur-unsur semangat Islam, menunjukkan Islam membawa kemajuan, Islam membawa tamaddun, Islam mementingkan dunia dan akhirat. Jadi sekurang-kurangnya sama ada orang itu mahu akan tidak mahu, apabila ia pergi ke masjid pada hari Jumaat, ia akan dengar khutbah itu. Dan karangkanlah khutbah-khutbah yang memberi semangat. Janganlah khutbah yang boleh memberi orang lain hendak tidur.

Saya tertarik macam mana Tuan Pengerusi sendiri dalam masa Pertandingan membaca Quran, saya biasa ikuti dalam Television walaupun tidak dapat hadir di Stadium Merdeka, satu penerangan yang amat semangat, ini bukan saya hendak puji Tuan Pengerusi, cara khutbah macam ini patut diberi tiap-tiap kali Jumaat. Insya Allah, Tuan Pengerusi, ia akan termasuk dalam jiwa orang-orang Islam kita, semangat keislaman yang tulin, membawa perpaduan dunia untuk ugama dunia dan akhirat. Jangan macam hari ini, kadang-kadang ia ingat Islam ini untuk akhirat semata-mata, sudah warak, ia tidak mahu nampak dunia lagi. Jadi kalaulah cara penerangan ini dibawa betul-betul dalam masjid yang ada beribu-ribu masjid, saya percaya ini adalah satu daya penarik selain daripada perkara-perkara lain yang dicakapkan oleh Wakil dari Arau dan Dungun tadi.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan keselamatan negara, patutlah Kerajaan kita selain daripada adanya RELA, Rukun Tetangga dan sebagainya patutlah kita beri latihan cara askar, cara menggunakan senjata dan sebagainya, seboleh-bolehnya kepada orang-orang yang berumur 18 hingga 25 tahun, dan berilah kursus cara tatarakyat, tatanegara untuk membawa perpaduan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya berasa dukacita kadang-kadang dalam kursus keselamatan negara ini, kita bukan sahaja setakat hendak mencari senjata dan sebagainya, saya berpendapat salah satu daripada rahsia adalah satu perkara yang patut dijaga, biasa dikata orang yang paling bahaya sekali penyakit ialah duri dalam daging, kalau duri di luar, kita boleh tarik, tetapi kalau duri dalam

daging, ini amatlah payah. Maksud saya, Tuan Pengerusi, janganlah ada pegawai-pegawai walau dalam Jabatan mana sekali pun yang sanggup membocorkan rahsia Kerajaan dan kadang-kadang beritahu kepada Ahli-ahli lain, kadang-kadang beritahu pula kepada Ahli Parlimen hingga dalam Dewan ini dibocorkan rahsia dan sebagainya. Perkara ini patut diawasi. Kalau perkara yang kecil boleh dibawa di sini, saya takut perkara-perkara yang besar lagi harus dapat dibawa

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat masa sudah sampai.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, Rabu, 14hb November, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.